

Bil. 22

**Rabu
8 Mei 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

[Ruangan 1]

USUL:

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996—2000

[Ruangan 16]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).

- Yang Berhormat TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ TUAN ASMAT NUNGA (Beluran).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).

- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNTY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasar Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 8 Mei 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

TANAMAN ULAM—LUAS
TANAH DAN JUMLAH KOS

1. **Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang)** minta Menteri Pertanian menyatakan keluasan tanah yang telah dirancang untuk projek tanaman ulam di negara ini dan berapakah kos yang diperuntukkan untuk projek tanaman ulam di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib): Tuan Yang di-Pertua, petani-petani di bawah Projek Kelompok telah digalakkan menanam ulam untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan. Setakat ini terdapat kawasan seluas 6,206 hektar telah ditanam dengan tanaman ulam serta herba dan rempah-ratus seperti pegaga, maman, petai, kantan, kunyit, lengkuas, serai dan sebagainya.

Di samping itu, kerajaan juga sedang berusaha untuk mempertingkatkan

pengeluarannya dengan penanaman secara besar-besaran. Beberapa kawasan sedang dan akan dikenal pasti untuk ditanam dengan ulam, rempah-ratus dan herba oleh pengusaha swasta, di antaranya ialah Syarikat Nusuha, Johor (121 hektar), Syarikat Nona Roguy, Kelantan (200 hektar), Perbadanan Pertanian Negeri Perak dan Pertubuhan Peladang Negeri Perak (200 hektar) dan Selangor (121 hektar).

Bagi projek Syarikat Nona Roguy dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Perak dengan Pertubuhan Peladang Negeri Perak (200 hektar) serta projek Selangor (121 hektar), ia adalah dalam proses pelaksanaan secara usaha sama dari segi operasinya dan kos atau peruntukan infrastruktur dan khidmat sokongan oleh pihak kerajaan untuk projek-projek tersebut masih belum diputuskan lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, ulam ini kita tahu orang-orang tua dahulu pun makan ulam, jadi ulam ini difahamkan mengandungi banyak khasiat. Sebab itu kambing misalnya, jarang dapat penyakit sebab dia suka makan ulam dan pucuk daun. Soalannya, adakah Kementerian Pertanian akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk mengkaji khasiat-khasiat daripada ulam ini. Kalau kita makan ulam pegaga apa dia? Orang kata kalau makan ulam pegaga dia susah dapat kencing manis. Dan kalau kita makan pucuk paku apa dia? Jadi, dari segi saintifiknya adakah ia bersesuaian supaya bila kita dapat dedahkan perkara ini, maka senanglah kita jual daun-daun ulam ini, jadi orang kampung pun dapatlah bahagia.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, terdapat agensi yang mengadakan penyelidikan berkenaan

perkara ini, termasuklah Mardi dan juga kementerian-kementerian tertentu serta juga pihak universiti, misalnya Universiti Pertanian dan sebagainya. Adalah difahamkan bahawasanya ulam-ulam yang ada ini adalah amat mujarab sekali, kita pun tahu sebagai orang kampung, misalnya asam gelugur adalah untuk ulam dan masakan. Dan 'balik dedap' iaitu ulam dan ubat pelawas perut. 'Beluntas' untuk ulam dan ramuan minyak sapu untuk penyakit campak. 'Betik' sebagai ulam dan bahan anti septik.

Seterusnya saya ada butir-butir di sini, seperti 'cekor manis' sebagai ulam, perasa masakan, ubat sakit dan sengal tulang, ubat demam, sakit kerongkong, kegunaan wanita selepas bersalin dan banyak lagi, misalnya 'cenohong', bukanlah nak jual ubat, tidak. (*Ketawa*) 'Cenohong' sebagai ulam, rempah, ubat sembelit dan ubat selepas bersalin. Ini sahaja yang kita adakan penyelidikan dan ada banyak lagi.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyentuh tentang ulam-ulam dan herba-herba ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian sama ada Kementerian Pertanian dengan kerjasama Fama dapat mengadakan kempen ataupun mula balik kempen untuk memakan ulam ini di kalangan rakyat bagi perseimbangan diet.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, pengerusinya pun ada di sini dan memanglah pihak kementerian selalu mengadakan kempen-kempen bagi tujuan membanyakkan lagi orang makan ulam, bukan sahaja sebagai awet muda dan ada juga awet tertentu. Inilah usaha yang dijalankan oleh kementerian dan juga pihak Fama, insya-Allah, kita akan tingkatkan lagi usaha ini.

USAHA SAMA USAHAWAN BUMIPUTERA/BUKAN BUMIPUTERA—PROJEK BARU

2. Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) dengan bantuan kementerian, berapa jumlah perniagaan usaha sama antara usahawan bumiputera dan bukan bumiputera telah dijalankan; dan
- (b) apakah rancangan atau skim baru yang akan dijalankan oleh kementerian untuk memperbanyakkan lagi usaha sama antara usahawan dua kaum ini.

Menteri Pembangunan Usahawan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab (a) dan (b) serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Sepertimana Ahli Dewan sedia maklum kita telah pun menyatakan di Dewan yang mulia ini, pada 18hb Disember yang lalu sebanyak 12 usaha sama antara bumiputera dengan Cina telah pun dilancarkan dan kebanyakan daripada usaha sama ini sedang berjalan dengan baik, sama ada telah pun beroperasi, sedang mendirikan kilang ataupun sedang mencari punca pembiayaan daripada institusi kewangan.

Pada petang ini saya ingin melaporkan lima perkembangan yang terbaru. Yang pertamanya, semalam mesyuarat Jawatankuasa Bersama Dewan Perniagaan Melayu dan Cina mengadakan mesyuarat dan mereka telah pun mengenal pasti 20 buah projek baru untuk dilaksanakan secara usaha sama yang melibatkan 20 usahawan bumiputera dan 20 usahawan bukan bumiputera. Itu yang pertama, yang saya ingin maklumkan.

Yang keduanya, saya ingin maklumkan bahawa kita ada satu skim pembiayaan yang dinamakan Skim Galakan Usaha Sama berjumlah RM210 juta. Yang dibelanjakan cuma RM21 juta. Oleh itu, dua minggu yang lalu kita telah buat keputusan untuk melonggarkan lagi syarat-syarat bagi menggunakan wang daripada tabungan ini. Antara lainnya kita telah menurunkan had minimum yang melayakkan pembiayaan di bawah skim ini daripada RM2 juta kepada RM500 ribu. Itu yang pertama.

Yang keduanya, kelonggaran yang diperkenalkan ialah untuk menurunkan penyertaan ekuiti bumiputera dalam satu usaha sama itu daripada 51% kepada 30% dan yang ketiganya, kita melibatkan dewan dalam Jawatankuasa Skim Galakan Usaha Sama ini yang melibatkan bank sahaja sebelum ini.

Dengan kelonggaran ini, kita percaya bahawa tabung ini akan digunakan dengan lebih banyak lagi dan dengan itu akan menggalakkan lebih banyak usaha sama antara bumiputera dengan Cina. Itu yang kedua.

Yang ketiganya, saya ingin maklumkan bahawa Jawatankuasa Usaha sama antara bumiputera dengan Cina ini akan melibatkan usahawan India ataupun Dewan Perniagaan India dalam jawatankuasa bersama.

Yang keempatnya, saya ingin maklumkan bahawa pihak jawatankuasa bersama bumiputera dengan bukan bumiputera sedang ataupun akan menerbitkan satu buku panduan untuk menggariskan syarat-syarat kelayakan ataupun perkara-perkara yang akan diteliti sebelum dapat dipertimbangkan di bawah skim ini. Antara usaha sama yang digalakkan ialah usaha sama dalam bidang industri kecil dan sederhana. Yang keduanya, ekuiti mana-mana pihak hendaklah sekurang-kurangnya 30%.

Yang ketiganya, sektor yang digalakkan ialah sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan. Itu yang keempat yang ingin saya maklumkan.

Akhirnya, saya ingin maklumkan bahawa jawatankuasa akan menjalin hubungan dengan industri kecil dan sederhana yang telah mengadakan seminar pada 2hb Mei yang lalu dan insya-Allah dengan adanya hubungan antara Jawatankuasa Usaha Sama Bersama Dewan Melayu dan Bumiputera dengan Persatuan Industri Kecil dan Sederhana yang mana kebanyakan ahlinya adalah daripada kaum Cina, maka kita percaya lebih banyak lagi usaha sama dapat diadakan di negara kita.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah mencapai satu pencapaian yang amat menggalakkan dan soalan tambahan saya ialah bidang mana akan diberi keutamaan dalam menggalakkan usaha sama, sama ada projek penswastan akan termasuk dalam senarai projek tersebut?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Saya telah pun menyatakan tadi bahawa bidang-bidang yang diberi keutamaan yang pertama ialah, small and medium scale, dengan izin, industri kecil dan sederhana. Yang keduanya, bidang pembuatan (manufacturing); yang ketiganya, bidang perkhidmatan. Ini antara bidang-bidang yang diberi perhatian setakat ini oleh kerana ia cuma terhad kepada small and medium scale, penswastan belum lagi termasuk dalam bidang yang diberi keutamaan. Dalam pada itu, kalau ada cadangan untuk mengadakan usaha sama bagi melaksanakan projek-projek penswastan, saya kira jawatankuasa tidak ada halangan. Cuma dari segi keutamaannya ataupun priority, dengan izin, penswastan pada masa ini tidak tergolong dalam bidang-bidang yang digalakkan.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas usaha untuk membantu usahawan ataupun usaha sama antara bumiputera dan bukan bumiputera dan saya cuma ingin tanya sama ada usaha sama ini terhad di negara kita sahajakah, ataupun akan berlanjutan ke negara-negara antarabangsa dan sebagainya?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini oleh kerana skim ini baru, maka kita menghadkan liputan cuma ke dalam negara sahaja. Belum lagi ada rancangan untuk keluar negara tetapi apabila prestasinya menggalakkan, sudah tentu saya kira usahawan-usahawan Melayu dan Cina ini akan menerokai kemungkinan bagi menceburi bidang-bidang tertentu di luar negara. Buat masa ini tidak ada rancangan tetapi saya pasti suatu masa nanti kemungkinan itu ada.

PROJEK PPRT SABAH— JUMLAH PERUNTUKAN

3. Puan Chua Soon Bui (Tawau) minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bilangan keluarga miskin yang terlibat dalam projek PPRT di Negeri Sabah amnya dan Tawau khususnya sejak mulanya pelaksanaan projek. Berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, bilangan keluarga termiskin yang terlibat dalam projek PPRT di negeri Sabah bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam ialah sebanyak 24,000 keluarga dengan perbelanjaan sejumlah RM130.7 juta.

Bagi kawasan Tawau, jumlah keluarga yang terlibat ialah seramai 504 keluarga dengan peruntukan sejumlah RM3.14 juta.

Tuan Yunof Edward Maringking: Soalan tambahan. Saya ingin tanya Setiausaha Parlimen tentang PPRT ini oleh kerana memang banyak yang memohon di Sabah tetapi tidak jelas kepada siapa permohonan itu ditujukan. Jadi, saya minta daripada Setiausaha Parlimen menjelaskan cara-cara untuk memohon menyertai projek PPRT ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap jikalau pertanyaan begitu, tanyalah di luar. Janganlah tanya di dalam Dewan ini. (*Ketawa*)

PASPORT ANTARABANGSA— KENAIKAN KADAR BAYARAN

4. Tuan Liew Ah Kim (Seputih) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sedar tentang rungutan orang ramai mengenai kenaikan bayaran pasport antarabangsa yang terlalu tinggi dan ini mencerminkan sikap tidak menggalakkan rakyat mendapatkan pengalaman di luar negeri dan satu proses menjadikan rakyat negeri ini bersikap seperti 'katak di bawah tempurung'.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, kadar bayaran pasport Malaysia yang telah dinaikkan sejak awal tahun ini adalah munasabah jika diambil kira kos pengeluaran dan pengurusannya yang telah meningkat.

Kerajaan berpendapat ini tidak terlalu membebankan rakyat yang memerlukannya untuk melancong atau lain-lain urusan di luar negeri.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, adakah kemungkinan jikalau kita melihat bahawa dengan kenaikan kadar bayaran pasport antarabangsa ini, kementerian melihat bahawa satu usaha penipuan mungkin akan berlaku? Soalan saya, bagaimanakah kementerian dapat

menentukan bahawa unsur-unsur penipuan tidak akan berlaku dan tidak ada bentuk kerjasama dari kakitangan di dalam Jabatan Imigresen sendiri?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Jabatan Imigresen sedang berusaha untuk melaksanakan satu pasport yang boleh dikatakan lebih tinggi dari segi ciri-ciri keselamatan, lebih high-tech dan juga computerised iaitu Machine-Readable Passport, dengan izin. Buat masa kini, Jabatan Imigresen masih dalam peringkat menyediakan sistem-sistem komputer untuk melaksanakan pasport baru ini. Dijangka dalam tahun ini mungkin kita boleh mulakan pasport yang lebih tinggi dari segi ciri-ciri keselamatannya. Mudah-mudahan segala masalah teknik boleh diatasi.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya kerajaan tidak mahu menerima satu hakikat sungguhpun rungutan orang awam terhadap kenaikan bayaran untuk mendapat international passport, dengan izin, terlampau tinggi. Soalan saya ialah apakah sebab-sebab yang munasabah tentang kenaikan bayaran yang berkenaan? Adakah kerana cost of living sudah pun terlampau tinggi ataupun sebab yang lain? Dan....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Liew Ah Kim: Bahagian satu lagi. Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat! Cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Liew Ah Kim: Berapa jumlah wang kutipan?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Soalan satu sahaja dibenarkan ya. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan beberapa kali apa sebabnya kerajaan hendak menaikkan harga pasport ini. Salah satu sebabnya saya telah katakan ialah kos pengurusan dan pengeluaran itu sudah naik tinggi. Kita juga sedang dalam proses mengkomputerisekan sistem pengeluaran pasport itu.

Selain daripada itu bagi mereka yang kerap keluar negeri sama ada melancong, berniaga ataupun hendak melawat secara sosial, untuk golongan ini mereka tidak keberatan mengadakan pasport hanya untuk 5 tahun sekali dengan bayaran RM100 lebih. Jadi, kalau orang tidak mampu hendak bayar RM100 lebih untuk 5 tahun bagi tujuan melancong itu, saya rasa golongan ini kita hendak beri pasport pun, dia tidak mampu untuk keluar negeri. Oleh itu, kita telah menimbang dari segala segi. Lagi pun semua peningkatan dari segi keberkesanan jabatan, kita mahukan kemudahan yang lebih canggih, semua itu diambilkira.

Kelihatan pada mulanya secara psikologi ada golongan yang protes mengatakan tinggi, tetapi buat untuk satu tempoh yang singkat sahaja orang tidak pergi memohon pasport. Kemudian selepas 2-3 minggu sesak pula Imigresen. Sekarang ini kalau kita tengok Jabatan Imigresen ada soalan-soalan dari Ahli-ahli Parlimen kata mengapa ramai orang pergi memohon pasport, mengambil nombor susah dan hendak mendapat giliran pun menghadapi masalah. Ini membuktikan pada keseluruhannya tidaklah membebankan rakyat.

MAS—CADANGAN MENAMBAHKAN PENERBANGAN KE AUSTRALIA

5. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut) minta Menteri Pengangkutan menyatakan oleh kerana permintaan tiket-tiket kapal terbang MAS

untuk pergi ke Australia amatlah tinggi dan sukar didapati, apakah langkah kementerian sama ada mahu menambah penerbangan-penerbangan MAS. Kalau tidak kenapa. Dan sila beritahu destinasi MAS yang baru sama ada untung atau rugi dan jumlah kapal terbang MAS yang baru dan bilakah semuanya akan tiba di Malaysia.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya sedar bahawa permintaan untuk perjalanan udara antara Malaysia dan Australia kian meningkat. Dalam hal ini kerajaan menerusi rundingan-rundingan udara yang diadakan dengan Kerajaan Australia telah berusaha memperolehi hak-hak pendaratan tambahan bagi penerbangan Malaysia ke Australia. Hasil dari rundingan-rundingan ini, kerajaan di bawah satu Memorandum Persefahaman dengan Kerajaan Australia yang telah dipersetujui pada bulan November 1995, telah berjaya mendapatkan hak-hak pendaratan tambahan bagi MAS ke tempat-tempat di Australia seperti Melbourne, Sydney, Perth, Brisbane, Adelaide dan juga Darwin. Dengan tercapainya Memorandum Persefahaman baru tersebut, MAS telah menambahkan penerbangan-penerbangan ke destinasi-destinasi di Australia yang berkenaan.

Sehingga hari ini MAS mempunyai 24 kali penerbangan seminggu ke destinasi-destinasi seluruh Australia.

Mengenai destinasi-destinasi antara-bangsa baru MAS, sukalah saya memaklumkan bahawa MAS baru-baru ini telah melancarkan penerbangan-penerbangan ke destinasi-destinasi baru iaitu Beirut, Dhaka, Vancouver, Macau dan Davao. Memandangkan bahawa penerbangan-penerbangan ke destinasi-destinasi berkenaan hanya dilancarkan

dalam tempoh masa enam bulan yang lepas, adalah terlalu awal untuk mengukur prestasi penerbangan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat laluan-laluan baru memerlukan masa untuk mengembang.

Berhubung dengan pesawat-pesawat baru, jumlah pesawat baru yang telah ditempah oleh MAS ialah sebanyak 15 buah Boeing 777 dan 10 buah Boeing 747-400 yang dijadualkan akan tiba di antara tahun 1997 hingga tahun 2000.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah bilangan pesawat yang disewa dan mengapa ia perlu disewa?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila tidak cukup pesawat, kita perlu menyewa ataupun kadang-kadang penyewaan itu lebih murah daripada membeli terus. Mengenai jumlahnya, saya perlukan notis.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin tahu berapa banyakkah destinasi MAS keluar negara dan di mana?

Tuan Yang di-Pertua: Adakah soalan ini bersangkutan dengan soalan asal?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Soalan asal, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai Australia, tetapi kalau hendak sebut ke destinasi atau tempat lain, boleh juga.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak jawab? Tidak payah jawablah. Lain kali kalau macam ini, orang akan bertanya pula. *(Ketawa)*

BURUH ASING BERDAFTAR DI SABAH—JUMLAH

6. Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau) minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa banyak buruh asing yang bekerja (berdaftar) di Sabah mengikut jenis bidang pekerjaan dan kira-kira berapa banyakkah buruh asing yang bekerja secara haram dan seterusnya apakah tindakan-tindakan yang sedang dan dilaksanakan untuk mengatasi kehadiran haram di Sabah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 31 Mac 1996 seramai 31,921 orang berdaftar sebagai pekerja asing di negeri Sabah. Pecahan pekerja-pekerja asing mengikut sektor adalah:

<i>Sektor</i>	<i>Bilangan</i>
Pembantu Rumah	1,119 orang
Perkilangan	5,921 "
Perladangan	19,084 "
Pembinaan	983 "
Perkhidmatan dll.	4,814 "
Jumlah	31,921 "

Kerajaan tidak mempunyai rekod mengenai bilangan buruh-buruh asing yang bekerja secara haram di Sabah.

Tindakan-tindakan yang sedang dijalankan untuk mengatasi kehadiran pendatang-pendatang tanpa izin di Sabah adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan operasi-operasi bersepadu di bawah Pasukan Petugas Khas Persekutuan dan juga lain-lain operasi oleh lain-lain agensi seperti Polis dan Imigresen.

Sehingga 31 Mac 1996 sejumlah 71,564 pendatang tanpa izin telah ditangkap dan sejumlah 65,863 orang telah berjaya diusir keluar, seramai 21,305 orang berasal dari Filipina telah balik ke negara asalnya secara sukarela;

- (ii) menyerap pendatang-pendatang tanpa izin Indonesia dan Filipina yang memiliki sijil banci Pasukan Petugas Khas Persekutuan dan yang mempunyai nilai tenaga kerja ke dalam kategori buruh asing;
- (iii) mewujudkan Jawatankuasa Pengendalian Buruh Asing pada awal Mac 1993 bagi menyelaraskan dan mengaturkan pendatang luar negeri yang mempunyai nilai tenaga kerja yang diperlukan oleh pelbagai sektor ekonomi di Sabah;
- (iv) membuka dua pusat tahanan sementara iaitu di Tawau dan di Sandakan yang mula beroperasi pada Mac 1995, membina dua lagi pusat tahanan sementara iaitu di Kota Kinabalu dan di Wilayah Persekutuan, Labuan sedang diusahakan. Pusat-pusat ini memudahkan tangkapan dan pengusiran dibuat; dan
- (v) mengadakan kerjasama ekonomi dengan negara-negara jiran melalui penubuhan East Asean Growth Area. Kerjasama ini diharapkan akan dapat menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin dalam jangka masa panjang.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan sedar bahawa mengikut undang-undang negara jiran kita iaitu undang-undang di Indonesia, di mana warganegara mereka yang tinggal di luar negara selama 5 tahun berturut-turut tanpa melaporkan diri ke Kedutaan Besar Indonesia, maka dengan cara automatik warganegara mereka itu akan gugur.

Soalan saya, apakah langkah-langkah yang kerajaan ambil untuk memastikan pendatang-pendatang asing ini khasnya daripada Indonesia akan melapor kepada kedutaan mereka supaya warganegara mereka itu tidak terlucut dan apabila kita hendak hantar pulang ada tempat asal mereka? Jika sudah terlucut warganegara di manakah mereka ini hendak dihantar pulang nanti?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan Malaysia sedar tentang undang-undang negara luar, oleh sebab itu antara syarat-syarat yang kita sentiasa mengawasi pekerja-pekerja asing di sini ialah mereka itu diperlukan untuk membaharui permit kerja setiap tahun dan tempoh maksimum adalah 5 tahun. Mereka itu tidak dibenarkan untuk bekerja lebih daripada 5 tahun dan semasa membaharui permit kerja, kerajaan kena terlebih dahulu memastikan mereka mempunyai dokumen perjalanan yang sah, yang diakui oleh negara mereka. Jadi, langkah-langkah ini memang boleh mengelakkan mereka itu daripada dilucutkan kewarganegaraannya, kecuali mereka yang datang tanpa izin, apa-apa yang mereka buat itu adalah di luar daripada kawalan Kerajaan Malaysia.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa kedatangan pendatang-pendatang haram ke negeri Sabah ini begitu besar sekali masalahnya dan menimbulkan begitu banyak masalah. Walaupun langkah-langkah yang telah dihuraikan tadi itu sudah pun diambil, soalan tambahan saya, adakah perundingan di antara kerajaan Malaysia dan juga Kerajaan Filipina dan Indonesia diadakan untuk menentukan supaya kedatangan pendatang-pendatang haram ini lebih pasti dapat dikurangkan ataupun bagaimana?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang ada perundingan-perundingan dijalankan, dan masa kini

perundingan itu bukan sahaja dikekal, bahkan ada dipertingkatkan.

ORGANISASI ANTARABANGSA— KEANGGOTAAN MALAYSIA

7. Tuan Wong Kam Hoong (Bayan Baru) minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) jumlah organisasi antarabangsa yang diwakili oleh Malaysia dan nama organisasi tersebut; dan
- (b) kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam organisasi-organisasi tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 30hb April, 1996 Malaysia merupakan anggota kepada 20 buah organisasi antarabangsa. Ini termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), di mana Malaysia juga menganggotai 18 buah agensi khusus badan autonominya, iaitu Specialize Agency Autonomous Body, Badan OIC, Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam, Komanwel, WTO dan pergerakan negara-negara berkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya keanggotaan Malaysia dalam organisasi-organisasi ini telah mendatangkan banyak faedah untuk negara kita. Kita dapat memelihara dan memajukan kepentingan-kepentingan negara dalam bidang politik, ekonomi dan sosial di peringkat antarabangsa dan juga imej dan profile negara dalam arena antarabangsa. Dengan keanggotaan Malaysia dalam organisasi-organisasi ini, kita juga dapat memastikan hala tuju dan agenda organisasi-organisasi ini tidak dimanipulasi atau dimonopoli oleh mana-mana pihak. Malaysia juga telah dapat mengketengahkan pendirian-pendirian dan pandangan-pandangan Malaysia mengenai isu-isu antarabangsa melalui pertubuhan-pertubuhan antarabangsa ini.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini telah sedia maklum, baru-baru ini Yang Berbahagia Tan Sri Razali Ismail, Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah pun disokong penuh oleh kumpulan Asia sebagai calon Presiden sesi ke-51 Perhimpunan Agung PBB pada bulan September yang akan datang, iaitu tahun ini. Sokongan padu negara-negara Asia terhadap percalonan Malaysia ke jawatan yang penting ini, mencerminkan pengiktirafan sebahagian besar masyarakat antarabangsa terhadap keupayaan sumbangan, komitmen dan kredibiliti negara Malaysia dalam menangani isu-isu politik, ekonomi dan sosial antarabangsa.

Selain dari itu, Malaysia juga telah berjaya memegang beberapa jawatan penting dalam beberapa organisasi antarabangsa, seperti Presiden Majlis Keselamatan PBB, Setiausaha Agung OIC, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Pengerusi Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan Dadah dan Penedaran Dadah Secara Haram, Pengerusi UNESCO, Pengerusi Suruhanjaya Pembangunan Mampan, Ahli Majlis Eksekutif WTO dan lain-lain lagi. Kejayaan ini telah menaikkan imej dan reputasi negara kita Malaysia di kaca mata dunia sebagai sebuah negara yang benar-benar komited untuk memajukan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan sejagat.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pada masa kini imej dan profile Malaysia di dunia adalah tinggi, jadi, adakah kerajaan cuba merebut jawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bila wujudnya kekosongan jawatan itu pada masa yang akan datang. Kalau ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kejayaannya.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini belum ada cadangan bagi pihak kerajaan.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa nampaknya prestasi begitu tinggi tercapai di dalam perundingan dengan organisasi-organisasi antarabangsa, saya ingin bertanya di sini adakah perhatian khusus telah ditumpukan terhadap Sabah claim, dengan izin, dan apakah prestasi pencapaian dalam perundingan untuk mengatasi masalah ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita berusaha untuk menyelesaikan masalah-masalah seperti ini secara rundingan. Berbagai masalah yang timbul dengan jiran kita adalah diselesaikan menerusi cara bilateral dan multilateral untuk kita secara aman supaya tidak menjadi satu perkara yang menjadi masalah kepada mana-mana pihak.

BAHASA MELAYU— PENGUNAAN DI BIDANG PENYIARAN

8. Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat) minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah ia sedar bahawa 'kacau bilau' dalam penggunaan Bahasa Melayu kini sudah menular ke segenap bidang terutamanya penyiaran. Apakah langkah berkesan yang telah diambil untuk mengembalikan kehebatan Bahasa Melayu supaya ia tidak semakin layu.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka senantiasa bersungguh-sungguh untuk melaksanakan penggunaan Bahasa Melayu ke dalam semua bidang termasuk penyiaran. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) Pindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 (Pindaan) 1995 yang memberi kuasa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengarahkan, memberi ulasan,

nasihat, bantuan, bimbingan, latihan atau pengawasan tentang Bahasa Melayu kepada mana-mana pihak dalam sektor awam dan sektor swasta;

- (ii) Tentang penataran bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka meneruskan usaha-usaha penggalakan penggunaan bahasa menerusi taklimat, ceramah dan sebagainya kepada pegawai dan kakitangan dalam sektor awam dan swasta;
- (iii) Penyebaran maklumat bahasa selain memberikan ceramah dan kursus, Dewan Bahasa dan Pustaka menyediakan dan mengedarkan panduan dan risalah tentang penggunaan bahasa yang baik dari semasa ke semasa;
- (iv) Penceriaan dan penyebaran bahasa - Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan tugas menyemak penggunaan bahasa dalam dokumen rasmi sektor awam dan sektor swasta;
- (v) Penggalakan bahasa - Dewan Bahasa dan Pustaka menganjurkan aktiviti penggalakan bahasa melalui Kongress Bahasa Melayu Sedunia, seminar linguistik, seminar pendidikan, forum 2020, forum remaja dan forum pelajar dengan tujuan menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu serta merangsang semangat cinta kepada Bahasa Melayu; dan
- (vi) Baru-baru ini sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan telah pun ditubuhkan untuk mengawasi dan menasihati pelaksanaan Bahasa Melayu.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa penggunaan bahasa yang betul sebagaimana yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat

dari Hulu Langat memang telah begitu jelas tidak mengikut peraturan yang sebenarnya. Jadi, sekiranya sesuatu kesilapan ataupun kesalahan dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan, umpamanya daripada pihak anggota penyiaran di RTM dan sebagainya, apakah tindakan daripada badan pentadbir ataupun pihak yang bertanggungjawab untuk membetulkan kesalahan mereka ini. Adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan kerjasama dengan jabatan-jabatan berkenaan, mana-mana pihak yang menyalahgunakan penggunaan bahasa akan didenda ataupun sebagainya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa bekerjasama dengan sektor awam dan juga sektor swasta melalui jawatankuasa bersama kebangsaan, seperti Jawatankuasa Penyelarasan Penggunaan Bahasa Melayu di tempat awam yang ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelaraskan penggunaan bahasa.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya istilah Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia masih mengelirukan pelajar-pelajar di Malaysia. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan setakat mana langkah-langkah yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dapat dijayakan, dapat dihayati, dapat dipraktikkan dengan erti kata yang sebenarnya?

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat kecil sahaja, ini bukan kesalahan Dewan Bandaraya ataupun sesiapa kerana papan iklan di Pesiaran Sultan Salahuddin berdekatan dengan Tugu Negara, sejak diadakan papan yang baru itu di sebelahnya ada "Persiaran Sultan Salahuddin", di sebelah yang lain ada "Pesiaran Sultan Salahuddin". Ini mungkin orang yang membuatnya tidak begitu mahir di dalam bahasa, tetapi walau

bagaimanapun, setakat manakah pihak kementerian berjaya untuk menyelaraskan penggunaan bahasa terutama di tempat-tempat awam?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita ada jawatankuasa yang membentuk istilah-istilah mengenai Bahasa Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka dan sebagai satu cara untuk mengawasi penggubalan-istilah-istilah dengan lebih tepat dan penggunaannya dengan cara yang lebih betul, maka itu kita telah menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk menyelaraskan penggunaan itu dengan lebih tepat dan lebih betul.

Di peringkat ini, cuma saya hendak menyebut bahawa selain dari Akta Dewan Bahasa dan Pustaka, kita kena faham di peringkat-peringkat yang lain ada peraturan-peraturan yang disediakan oleh badan-badan ataupun agensi-agensi yang berkaitan dan semuanya itu kita selaraskan di peringkat Jawatankuasa Istilah dan kita harap apa jua kekeliruan yang timbul, ianya dapat diketengahkan dan baru-baru ini kita telah tubuhkan sebuah biro untuk membolehkan semua pihak sama ada orang ramai atau sektor awam dan swasta untuk merujuk apa juga perkara yang menimbulkan kekeliruan dari segi penggunaan istilah dan penggubalan istilah itu sendiri.

BIJI BENIH KELAPA SAWIT— KEPERLUAN DI SARAWAK

9. Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menjamin supaya biji benih kelapa sawit bermutu adalah mencukupi untuk menampung keperluan pembangunan ladang estet kelapa sawit yang baru dalam beberapa tahun yang akan datang khususnya di Negeri Sarawak. Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan sesuatu ladang kelapa sawit

untuk mengeluarkan biji benih kelapa sawit bermutu di Negeri Sarawak.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membuat satu pembedaan dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini iaitu dari segi nama saya supaya istilah itu di tukar dari Joseph kepada Jacob. Bukan Joseph tetapi Jacob. Soalan No. 9.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun istilah juga itu. (*Ketawa*)

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sentiasa mengawasi agar biji benih kelapa sawit adalah mencukupi untuk keperluan penanaman kelapa sawit di Malaysia. Industri kelapa sawit Malaysia mengeluarkan di sekitar 50 juta benih setahun yang mana mampu menampung kawasan seluas 250,000 hektar dengan nisbah 200 biji bagi sehektar. Sementara itu, Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) agensi di bawah kementerian ini menganggarkan bahawa pengeluaran biji benih akan meningkat kepada 80 juta setahun dalam masa 10 tahun akan datang. Pengeluaran ini adalah mencukupi untuk penanaman kelapa sawit yang dianggarkan pada sekitar 150,000 hektar iaitu untuk menampung tanaman baru seluas 75,000 hektar dan tanaman semula 75,000 hektar setahun.

Mengenai masalah kualiti biji benih yang dikeluarkan, kementerian menerusi Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) iaitu agensi di bawah kementerian ini akan memastikan bahawa pengeluaran lesen hanya diberikan kepada pusat pengeluar bahan tanaman yang disah dan diperakukan di bawah Skim Majlis Institut Piawaian Penyelidikan Perindustrian Malaysia.

Sehingga kini, terdapat 12 pusat pengeluaran biji benih kelapa sawit di

Semenanjung Malaysia dan 3 buah di Sabah, manakala di Sarawak tidak ada pusat yang sedemikian. Walau bagaimanapun, pada tahun 1994, satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara PORIM dengan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB) untuk menghasilkan biji benih di Sarawak. Adalah dijangkakan pengeluaran biji benih oleh SLDB akan bermula pada tahun 1998 yang dijangka mampu menghasilkan sehingga 6 juta biji benih setahun.

Tuan Yunof Edward Marinking:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memanglah penanaman kelapa sawit ini sangat penting sebagai satu daripada eksport negara kita. Soalan saya adakah kementerian bercadang untuk menyediakan pelan induk supaya benih-benih ataupun bibit-bibit kelapa sawit itu akan berharga murah, within the means, dengan izin, oleh pekebun-pekebun kecil.

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian kami hanya menentukan bahawa mutu benih-benih kelapa sawit dan baka-baka yang disediakan adalah bermutu tinggi kerana sepertimana yang kita tahu, keluasan tanaman kelapa sawit adalah semakin hari semakin berkurangan. Dengan itu, adalah penting untuk meningkatkan produktiviti dari segi pengeluaran kelapa sawit. Oleh itu, rancangan kami iaitu untuk menentukan bahawa bahan yang dikeluarkan adalah bermutu tinggi, juga menentukan untuk meningkatkan kegunaan bahan-bahan ini dan untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti hiliran serta mengurangkan kos pengeluaran akibat kekurangan tanah dan buruh.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, tahniah di atas kejayaan Kementerian Perusahaan Utama untuk menyediakan benih yang bermutu tinggi yang cukup, tetapi adakah benar bahawa

benih-benih ini sudah diseludup keluar dan kalau ia apakah tindakan supaya kawalan dapat diambil dan kalau tidak benar, apakah langkah-langkah bagi memastikan supaya benih yang bermutu ini tidak dialih keluar secara tanpa izin, ini kerana sifat Malaysia sendiri yang sukar cemburu kepada orang lain?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kami tidak ada maklumat tentang penyeludupan benih-benih ke luar, tetapi untuk makluman Yang Berhormat baru-baru ini kerajaan telah melonggarkan syarat-syarat pengeksportan bahan tanaman kelapa sawit. Perladangan kelapa sawit di luar negara yang mempunyai kepentingan majoriti pelabur Malaysia dibenarkan mengimport bahan tanaman kelapa sawit untuk ladang mereka. Sementara itu, garis panduan mengenai pengeksportan bahan tanaman sawit telah pun di sediakan dan syarikat-syarikat perladangan Malaysia yang berminat untuk mengeksport bahan tanaman kelapa sawit bolehlah memohon dengan kementerian.

**PROJEK NEGARA DI DALAM
TAMAN—JUMLAH
PERUNTUKAN**

10. Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai program "Malaysia a nation in the garden" menjelang tahun 2005, berapa banyak taman-taman akan dibina dan berapakah peruntukan yang disediakan bagi projek ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, beberapa program telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara di dalam taman. Program Bersih dan Indah yang mula dilaksanakan pada tahun 1990 adalah ke arah mencapai hasrat

mewujudkan persekitaran yang indah. Banyak projek-projek keindahan termasuklah kerja-kerja landskap telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan. Program ini yang sepatutnya tamat pada tahun 1994 telah dilanjutkan sehingga tahun 1997.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 11 taman awam telah dibangunkan dengan peruntukan sebanyak RM27.16 juta. Dalam tempoh RM7 pembinaan taman awam akan dipergiatkan lagi dengan peruntukan sebanyak RM41 juta.

Selain daripada itu dan bagi memantapkan program yang sedia ada, kerajaan telah menubuhkan satu jabatan khusus iaitu Jabatan Lanskap Negara di bawah kementerian untuk mewujudkan pembangunan lanskap menyeluruh di seluruh negara. Dengan lain perkataan, kawasan-kawasan lanskap yang indah dan berfungsi akan diwujudkan di seluruh negara sebagai menyumbang kepada suasana persekitaran yang selesa.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sistem keutamaan untuk melaksanakan projek-projek tanam menanam pokok di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Adakah keutamaan akan diberi kepada destinasi pelancongan seperti Pulau Pinang ataupun kepada pusat bandar yang tidak mempunyai taman atau pokok.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sistem atau cara pelaksanaan skim melanskapkan negara ini ialah melalui cara-cara yang kita sedia ada iaitu melalui pihak berkuasa tempatan dan juga melalui Jabatan Pertanian, Jabatan Perairan dan Saliran dan juga pejabat daerah supaya mereka boleh membantu pelaksanaan program ini dengan lebih berkesan kerana kita maklumlah walaupun

ada jabatan khusus, jabatan ini hanya boleh menjadi satu jabatan yang memberi nasihat teknikal dan membekalkan benih-benih dan juga memberi peruntukan yang mencukupi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, untuk program sebuah negara dalam taman, apa ukuran untuk satu perbandaran untuk diiktiraf sebagai satu perbandaran taman dan daripada ukuran ini perbandaran yang sedang diiktiraf sebagai perbandaran taman.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, pihak Majlis Perbandaran memang diberi tumpuan dalam program ini kerana pihak Majlis Perbandaran dan sama juga Majlis Daerah dan lain-lain kawasan di kawalselia oleh pejabat daerah, semua ini akan diberi tumpuan kerana program ini kita maklum bukan sahaja dilaksanakan dalam bandar-bandar tetapi juga termasuk di luar-luar bandar.

BIASISWA MARA— PERUNTUKAN DIKURANGKAN

11. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar) minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan mengapa peruntukan-peruntukan biasiswa yang diberi kepada MARA dikurangkan pada hal banyak lagi pelajar-pelajar bumiputera yang tidak mampu membiayai kos pendidikan mereka di Institut Pengajian Tinggi di dalam dan luar negeri kerana tindakan ini akan merumitkan usaha-usaha kerajaan hendak menambah bilangan profesional dalam masyarakat bumiputera.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan biasiswa kepada MARA oleh kerajaan meningkat dari tahun ke tahun. Umpamanya, bagi tahun ini, peruntukan yang disediakan ialah RM262 juta berbanding dengan RM173 juta pada tahun lepas.

Dalam pada itu, ingin saya maklumkan bahawa perbelanjaan sebenar oleh MARA untuk biasiswa ialah lebih daripada yang diluluskan oleh kerajaan. Ini adalah kerana MARA mempunyai sumber dalaman dan sumber ini digunakan. Pada tahun lepas umpamanya, walaupun yang diperuntukkan cuma RM173 juta, yang dibelanjakan adalah sebanyak RM351 juta.

Dari segi bilangan pelajar baru pula, yang ditaja oleh MARA untuk tahun 1994 seramai 7,131, untuk tahun 1995 seramai 15,729. Jadi, dari segi peruntukannya dan juga bilangan pelajar terdapat peningkatan dari tahun ke tahun.

Pada hari ini, jika diambil kira kesemua pelajar yang ditaja oleh MARA, bilangannya ialah 31,906, satu angka yang besar dan kira-kira 60% daripada mereka mengikuti kursus-kursus profesional termasuklah perakaunan, pengurusan perniagaan dan kejuruteraan. Bagi perakaunan dan pengurusan perniagaan, bilangan yang ditaja oleh MARA ialah 10,679, kejuruteraan 7,323. Yang menjadi masalah sekarang ialah pelajar-pelajar baru yang akan ditaja oleh pihak MARA dan pihak kementerian sekarang ini sedang berunding dengan Kementerian Kewangan bagi memastikan bilangan pelajar baru yang boleh ditaja oleh MARA.

Dalam pada itu, ingin saya maklumkan bahawa pihak MARA akan mengambil tindakan untuk mengurangkan dengan agak drastik bilangan pelajar yang akan dihantar ke luar negara. Apa yang akan berlaku bilangan pelajar baru di institusi pengajian tempatan akan dipertahankan tetapi bilangan pelajar baru ke luar negara tahun ini akan dikurangkan secara drastik. Apa yang berlaku tahun lepas terdapat peningkatan yang begitu ketara dalam bilangan pelajar-pelajar baru yang dihantar ke luar negara iaitu daripada 2,285 dalam tahun 1994 kepada 4,384 dalam tahun 1995.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian sedar di atas pengurangan peruntukan kepada MARA dan usaha MARA untuk reschedule pembayaran biasiswa kepada pelajar kita di luar negeri menyebabkan beberapa orang pelajar di Universiti Medan tidak dapat mengambil peperiksaan perubatan pada tahun ini kerana MARA lambat menghantar yuran untuk membayar yuran peperiksaan Universiti Medan, beberapa orang pelajar kita tak dapat mengambil periksa dalam Fakulti Perubatan. Adakah pihak kementerian sedar bahawa perkara ini berlaku di Universiti Medan?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ada dua kategori pelajar yang ditaja oleh MARA di Universiti Medan dalam bidang perubatan. Yang pertama, yang ditaja sepenuhnya oleh MARA, yang dipilih oleh MARA daripada sini dan di hantar ke sana. Kategori yang kedua, ialah mereka ke Medan dengan belanja sendiri dan diberikan biasiswa oleh MARA tetapi apa yang dipanggil 'partial' biasiswa di mana apa yang dipanggil sumbangan pembangunan hendaklah dibayar oleh pelajar berkenaan. Di Universiti Medan terdapat tiga orang pelajar dalam bidang perubatan yang termasuk dalam kategori itu iaitu kategori yang mana tahun pertama mereka pergi atas perbelanjaan sendiri dan mereka mendapat sumbangan daripada MARA separuh dan understandingnya, kefahamannya ialah apa yang dipanggil sumbangan pembangunan berjumlah RM35,000 hendaklah disumbangkan oleh pelajar berkenaan.

Tidak ada masalah dengan pelajar yang ditaja sepenuhnya oleh MARA, yang tiga orang pelajar ini merupakan pelajar yang diberi separuh biasiswa dan mereka ke Medan ini dengan mereka tahu dan mereka faham bahawa pihak MARA cuma membayar elaun pengajian dan yuran

ataupun sumbangan pembangunan hendaklah disumbangkan oleh mereka. Oleh itu, pada tanggapan kami, masalah ini tidak harus diletakkan ke atas MARA.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Dato' Menteri tadi, ada menyebut bahawa bilangan pelajar baru untuk dihantar ke luar negeri akan dikurangkan. Tetapi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kita memerlukan ramai tenaga profesional bumiputera dan juga tenaga mahir bumiputera. Oleh kerana mengurangkan pengiriman ataupun penghantaran ke luar negeri bagi pelajar baru, adakah kementerian Yang Berhormat Dato' Menteri berhasrat untuk mempertingkatkan lagi bilangan tajaan pelajar-pelajar di universiti tempatan terutama sekali bagi ijazah pertama dan manakala bagi ijazah kedua, adakah pihak kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menghantarkan pelajar-pelajar kita pada peringkat ijazah kedua dan ketiga di luar negara?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya maklumkan, Kementerian Pembangunan Usahawan sedang berunding dengan Kementerian Kewangan untuk menentukan bilangan sebenar yang dapat kita taja untuk tahun ini. Yang pastinya, seperti yang saya katakan tadi, kita akan cuba mempertahankan bilangan yang telah kita taja tahun lepas, malah kalau boleh menambahkannya dan bilangan akan dihantar ke luar negara akan dikurangkan. Ini tidak akan menjejaskan pengeluaran profesional Melayu bumiputera kerana kita tahu bahawa tahun ini dan tahun-tahun mendatang ini akan menyaksikan pertambahan yang ketara dalam bilangan tempat bagi anak-anak kita untuk belajar sama ada di universiti yang sedia ada ataupun IPTS yang bakal ditubuhkan.

Mengenai Ijazah Kedua, sama ada pihak kementerian akan menghantar pelajar-

pelajar untuk mengikuti pengajian Ijazah Kedua, ini juga masih lagi dalam perundingan dengan Kementerian Kewangan.

KEMPEN INFLASI SIFAR— PENCAPAIAN

12. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat) minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sejauh mana pencapaian Kempen Inflasi Sifar yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akhir tahun lepas; dan
- (b) apakah tindakan agensi kerajaan yang lain menaikkan harga bagi perkhidmatan mereka atau perkhidmatan yang di kawal selia (seperti Tenaga Nasional, Telekom dll) yang sudah pasti meninggikan kos pengeluaran sebagai satu sabotaj terhadap Kempen Inflasi Sifar.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kempen Inflasi Sifar yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 2hb Jun 1995 bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengguna mengenai inflasi dan akibat buruk dari inflasi yang tidak terkawal. Mengikut kajian yang dibuat setakat ini menunjukkan para pengguna, peniaga dan media massa menyokong kempen kerajaan dengan mengambil bahagian aktif dalam Kempen Inflasi Sifar dan Resolusi Inflasi Sifar.

Tindakan agensi-agensi kerajaan yang lain atau perkhidmatan yang dikawal selia oleh kerajaan seperti Tenaga Nasional atau Telekom menaikkan harga

perkhidmatannya bukan satu bentuk sabotaj kepada kempen ini. Kempen Inflasi Sifar adalah untuk mengubah sikap dan tingkah laku pengguna dan peniaga untuk membanteras kenaikan harga barangan, khasnya barangan keperluan harian. Kerajaan sentiasa memberi pertimbangan yang teliti sebelum memberikan kebenaran untuk menaikkan kadar harga barangan dan bayaran perkhidmatan perlu.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak dapat dinafikan adalah sekadar pencapaian dari segi merendahkan atau mengawal harga barangan, tetapi cukup jelas program ini gagal untuk mensifarkan inflasi. Jadi, saya ingin bertanya adakah pihak kementerian bercadang untuk menukar nama daripada 'inflasi sifar' ke 'inflasi rendah' sebab ia jadi mainan sahaja, pasti tidak dapat mensifarkan inflasi dan ini akan menjadi tumpuan untuk permainan para peniaga yang lain. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan tidak bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Matlamat Inflasi Sifar adalah matlamat jangka masa panjang. Kita tidak sebut bahawa Inflasi Sifar dapat dicapai dalam satu atau dua tahun iaitu baru dilancarkan dalam tahun 1995 dan ini adalah satu matlamat jangka masa panjang. Tetapi, untuk membanteras kadar inflasi dan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pengguna dan peniaga, kita puashati bahawa kempen ini berjaya dan kita akan teruskan kempen itu.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 51 dijilid dalam buku berasingan)

USUL

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 - 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan Masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

menyokong kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

melulus dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai satu negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020. (7 Mei 1996)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Lupar, sila sambung ucapan.

3.34 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyambung perbincangan saya, izinkan saya menjawab soalan daripada rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Soalan daripada rakan saya dari Tanjong Karang semalam mengatakan mengapakah Ahli Yang Berhormat dari Jelutong membawa kisah 20 tahun yang lampau dan sama ada saya setuju atau tidak, katanya bahawa DAP pada hari ini, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Bintulu, jauh orangnya, sudah tidak ada modal lagi hendak bercakap 20 tahun yang akan datang, hendak cerita 20 tahun yang lepas sahaja.

Jadi, jawapan saya yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya bersetuju betul dengan Yang Berhormat dari Tanjong Karang, tetapi terlebih dari itu sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini selalu kata orang tidak pandai undang-undang tetapi sekarang dia sendiri tidak menerusi jurusan undang-undang yang sepatutnya dia buat, dia bawa perkara ini ke Dewan Parlimen ini. Jadi, saya tidak tahulah, sama ada dia sengaja tidak tahu undang-undang ataupun dia betul-betul tidak tahu undang-undang ini.

Jadi, yang kedua, DAP ini betul-betullah tidak ada modal. Memang sudah habis dah! Matlamat sudah bercelaru. Tuan Yang di-Pertua, itulah mengapa soalan-soalan yang sedemikian dipolitikkan yang sepatutnya mengguna garis panduan undang-undang yang sebetulnya. Mahkamah ada, undang-undang ada, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, soalan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini betul-betul soalan surat khabar lama yang telah dijual di Semenanjung tidak

laku, hendak dijual di Sarawak pula, kawan dari Bintulu mahu jadi agen menjual news paper lama ini! (*Ketawa*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya meneruskan, saya bukan cari pasal. Saya memberi penjelasan dengan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah boleh kerajaan membangun dan membesarkan sebuah kampung kecil seperti Bintulu tahun 70-an untuk menjadi bandar seperti yang ada sekarang ini dengan tidak mengambil tanah mana-mana orang.

Tuan Chiew Chiu Sing: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bintulu bangun, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu sekejap Bintulu, saya habiskan sekejap, baru boleh beri. Adakah boleh industri petroleum, gas urea dibangunkan di Bintulu menjadi kemudahan asas untuk pelabur, pekerja dan sebagainya tidak disediakan? Kalau Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mahupun Bintulu ataupun mana-mana ahli DAP boleh sekalipun kata boleh, they are talking through their nose, dengan izin. Seterusnya bagaimanakah kampung kecil boleh menerima pendatang dari seluruh pelusuk negara kita ini hendak duduk di kampung kecil, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja daripada negara kita tetapi juga termasuk orang Jepun, Korea, Australia dan sebagainya, hendak duduk di Bintulu. Ha, kalau hendak tanya, tanya!

Tuan Chew Chiu Sing: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Chew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar. Mengapakah kerajaan Sarawak

tidak mahu ambil pemilik tanah di Bintulu itu untuk menjadi shareholders, dengan izin, dalam projek-projek yang dilaksanakan di Bintulu sana atas tanah mereka sendiri? Terima kasih.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Itulah, kalau saya hendak jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, memang nampak tidak cerdik betul kawan kita ini. Pengambilan ini tahun 1975, jadi bila perancangan dibuat, kita tidak akan hendak bina rumah kalau tidak ada orang duduk, jadi kita hendak bina rumah as and when rumah itu diperlu ataupun hotel diperlu, penginapan diperlu, pejabat diperlu. Jadi, makan masa 20 tahun, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau tahun 1975 itu, kerajaan hendak buat shareholding, siapa hendak duduk sana? Jadi kerajaan ambil secara pengambilan.....

Tuan Chew Chiu Sing: (Bangun)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduklah dahulu, kawan. Kalau tidak faham bertanya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong macam mana! Saya belum beri lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong cakap orang tidak pandai kalau tidak dengar.....

(Ahli Yang Berhormat dari Jelutong masuk ke dalam Dewan)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaffar: Ha, ini Jelutong masuk! *(Ketawa)* Jadi, pada tahun 1975 masa pengambilan, jadi pembinaan pada tahun 1995, macam mana hendak ambil, tanah sudah jadi tanah kerajaan? Macam mana hendak jemput orang ini lagi jadi shareholder dalam pembangunan-pembangunan tanah yang tersebut? Jadi, saya ingat ini tidak relevan, tidak boleh dibuat kerana tidak realistik.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, di dalam exercise pengambilan tanah-tanah tersebut, saya akan sebut fakta-fakta yang tertentu ini, 1,183.77 ekar tanah kepunyaan individu, termasuk 63 orang Melayu, 74 orang Cina dan 4 orang Iban telah diambil satu bidang tanah, share di antara orang Melayu dan Cina. Proses ini bermula dengan penguatkuasaan seksyen 47. Kalau tak tahu, tanya saya, apa seksyen 47, Kanun Tanah Sarawak dan digazetkan pengambilan itu pada 25hb. November 1973, Gazet No. 274.

Pada 18hb Oktober 1987, notis di bawah seksyen 48, Sarawak Land Code dibuat. Seksyen 48 ini maknanya dia confirmed mengambil tanah kerana tidak ada bantahan secara khusus. Perhubungan kerajaan dengan orang yang disebut namanya sebagai Goh Meng Keat bukan Chan Chong Meng yang disebut oleh Yang Berhormat oleh Jelutong, oleh pihak kerajaan melalui proses biasa, proses undang-undang yang digunakan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengambil tanah.

Jadi, surat notis bil. 10/ACQ (ACQ adalah shortform daripada acquisition) C.D. No. 4D2473(35) bertarikh 21hb Mei 1975. Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk membaca surat tersebut dalam Bahasa Inggeris:

"I forward herewith my formal notice of award as numbered above, dated 21st May, 1975, made under section 51 of the Land Code. I wish, however, to advise that if you are dissatisfied (dissatisfied means not satisfied) with this award, you may have the matter referred to the High Court, but only if you make return request or application to me to make such reference within six weeks (disebut) from the date of receipt of the award.

You are further advised that, under Section 71(2) of the Land Code, you may accept the award under protest.

Even if you are dissatisfied the amount awarded, acceptance under protest of the amount awarded does not prevent you from having the matter referred to the High Court, but if you refuse to accept payment of the amount awarded, it will be deposited in the High Court and you will have to take it out as summon in Chambers before payment can be made to you."

Jadi, surat ini ternyata sekali, Goh Meng Keat telah diberi, dua cara dan prosedur yang tertentu, macam mana hendak menerima duit under protest ataupun menerima tanpa protes. Kalau dia buat protes, tetapi duit tidak diterima, apa akan berlaku dan apabila duit dimasukkan ke mahkamah, kalau masuk ke mahkamah, minta summon in Chamber supaya duitnya boleh dikeluarkan.

Semua amaran dan warnings telah diberi kepada Goh Meng Keat ini, tetapi apa yang Goh Meng Keat buat? Goh Meng Keat telah menerima notis tersebut, hanya menjawab yang tidak setuju dengan pampasan. Itu sahaja. Dia tidak setuju dengan pampasan. Surat penguasa tanah di Miri, Originating Summon, 67/75 mendeposit wang pampasan Mahkamah Tinggi.

Jadi, kalau dia tidak setuju berlandaskan surat yang telah diberi oleh Jabatan Tanah dan Galian, dia sepatutnya menulis surat kepada Pejabat Tanah dan Galian mengatakan dia tidak setuju dan dia hendak kes itu direfer ke Mahkamah Tinggi. Itu sahaja arahan yang diberi. Kenapa tidak buat?

Selepas itu, Goh Meng Keat diberi latar belakang lagi apa sebab tanah itu diambil dan bersama dengan tanah yang saya sebut tadi sebanyak 1,183.77 ekar tadi. Pada 16hb. Oktober 1975 iaitu hampir 3 tahun selepas itu, baru Memorandum of Declaration of Resumption di bawah seksyen 54 Sarawak Land Code dibuat.

Maknanya, pada 16hb. Oktober, 1975, tanah itu dengan rasminya menjadi tanah kerajaan kerana tindakan undang-undang yang patut diambil pada masa itu tidak diambil oleh Goh Meng Keat. Appeal untuk penilaian semula tidak dibuat oleh Goh Meng Keat. Bukan tidak ada peguam, Tuan Yang di-Pertua, banyak peguam di Sarawak pada masa itu, pada tahun 1975.

Tuan Chiew Chiu Sing: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya Encik Goh Meng Keat, saya sendiri pun memang tidak mahu dan tidak setuju tanah itu diambil oleh kerajaan kerana tanah Goh Meng Keat itu, tempatnya adalah terbaik di Bintulu, di mana ia terletak di pantai Tanjung Batu. BDA dahulu mengambil tanah itu untuk projek umum seperti membina Birds Park dan tempat untuk perangan.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat ini hendak minta penjelasan dari saya atau hendak beri penjelasan kepada saya? Tidak ada fakta, jangan soal dan jangan beri penjelasan kepada saya!

Tuan Chiew Chiu Sing: Memang ini penjelasan dari Yang Berhormat dari Batang Lupar. Tetapi sekarang, di tanah itu, sebuah syarikat iaitu Kabuli Sdn. Bhd. di mana adik Ketua Menteri Sarawak mempunyai saham dan telah pun mulai membina 4 buah apartment 11 tingkat dan sebuah five-star hotel dan ini akan membuat tanah Goh Meng Keat yang diambil oleh BDA itu menjadi satu backyard garden untuk syarikat Kabuli. Jadi, macam mana itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat..... Yang Berhormat, apa yang hendak tanya itu?

Tuan Chiew Chiu Sing: Ya, penjelasan di sini, Tuan Yang di-Pertua. Macam mana cara Kabuli mendapat tanah di sebelah tanah Goh Meng Keat ini?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okay, duduk, duduk, Yang Berhormat. Saya tak beri lagi dah.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kerana kalau saya beri, bersyarat; kalau saya suruh duduk, duduk. *(Ketawa)* *(Disampuk)*.

Jadi, saya ingin beri penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Ini pelannya, Tuan Yang di-Pertua. *(sambil menunjukkan sebuah pelan di tangan)* Ini menunjukkan Yang Berhormat dari Bintulu itu tidak tahu tanah di Bintulu. Mana Tanjung Batu dia? Tanjung Batu di sebelah sini, Tuan Yang di-Pertua. *(sambil merujuk kepada pelan di tangan)* Tanah dekat sini! Allahu-Akbar! Saya hendak suruh you mengucap, bukan orang Islam.

Jadi, jangan mengelirukan Dewan. Jelutong sudah buat keliru, dia dari Bintulu buat keliru juga! Tanah ini....

Tuan Chiew Chiu Sing: *(Bangun)*

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduk dahulu, kawan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak terkeliru dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat. Cukuplah.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduk!

Tuan Chiew Chiu Sing: Tak berani!

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah!.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tanah Goh Meng Keat itu di antara Tanjung Batu dengan pekan Bintulu lama, di satu teluk. Saya akan beri penjelasan nanti kenapa tanah itu tidak dimajukan setelah 20 tahun sebab di sebelah tanah itu ada hotel dibina. Hotel di sebelah itu dibina oleh kerana ada sebabnya. Nanti saya akan beri penjelasan. Yang Berhormat jangan lari, ya! Dengar dan belajar, tahu tanah Bintulu. Kalau Batang Lumar, tanya pada saya! *(Disampuk)*

Saya tak marah. Saya beri penjelasan, kenapa marah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan ya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf kalau ternampak yang salah, sayalah itu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dengan yang itu, saya betul. Walaupun nasihat berhubung dengannya telah diberi dan diterima oleh Goh Meng Keat, kenapa Goh Meng Keat berpeluk tubuh sahaja? Selepas 20 tahun, kawan yang datang sekejap, keluar lagi. Selepas ini, thundering hero dari Jelutong pula menunjukkan jaguh dengan mengambil tindakan dan mendesak Kerajaan Negeri berasaskan kes yang telah terpendam menjadi sejarah lampau.

Walau bagaimanapun, beliau juga dinasihatkan mengambil tindakan mahkamah. Sebenarnya Yang Berhormat dari Jelutong itu sudah mewakili Goh Meng Keat ini, Tuan Yang di-Pertua, tulis surat kepada Kerajaan Negeri dan dinasihatkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan mahkamah. Dia lari. Tetapi, kenapa pula peguam besar, Yang Berhormat dari Jelutong ini tidak mengambil tindakan mahkamah? Dia besar, tidak tahulah. Undang-undang negara Malaysia dan undang-undang negeri Sarawak yang berkaitan ada mempunyai dasar dan peruntukan yang jelas. Kenapa tidak digunakan?

Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, tindak-tanduk Ahli Yang Berhormat dari Jelutong termasuk Ahli Yang Berhormat dari Bintulu bukan kepentingan Goh Meng Keat yang diwakili mereka ini, sebenarnya kepentingan politik mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, cerita sama, perkara yang ketiga - dua sudah tadi. Iaitu pemberian pembahagian dari tanah kerajaan di tepian pantai Bintulu. Dengar cerita, dengar betul-betul. Dahulu pada tahun 1973, sebelum resumption dibuat pada tahun 1975, dipunyai oleh Goh Meng Keat tetapi pada tahun 1975 tanah itu sudah kepunyaan Kerajaan Negeri Sarawak. Pada tahun 1975 diberi kepada satu syarikat seperti Yang Berhormat sudah sebutkan tadi, Syarikat Kabuli Sdn. Bhd. yang mana adik Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak mempunyai faedah. Ini saya tidak nafikan, kerana perkara yang terbuka tidak boleh kita nafikan. Kita tidak hendak berbohong dalam Dewan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita mesti melihat perkara ini secara objektif, secara rasional. Perkara ini bukan di"tinted" dengan pandangan dan political.

Fakta-fakta yang perlu dilihat adalah seperti berikut, pertama: pada tahun 1973 tanah Goh Meng Keat yang diberi kepada Kabuli tidak ada apa-apa pun, belukar, hutan - murah harga nilaian yang diberi kepada Goh Meng Keat berlandaskan nilai pada tahun 1973. Jadi, kenapa pula hendak cari harga tahun 1975? Semenjak 16hb. Oktober, tanah itu sudah kepunyaan kerajaan. Pampasan telah diberi kepada Goh Meng Keat walaupun berdasarkan nilai harga yang sesuai dan patut pada tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tahu di mana Dato' Abdul Taib bin Mahmud, minta izin sebut nama, berada pada ketika itu, dia berada di Kuala Lumpur sebagai Menteri Pembangunan Ekonomi dan Wilayah. Menteri Kerajaan Pusat

yang tidak ada langsung tahu atau terlibat atau boleh mempengaruhi mana-mana keputusan Kerajaan Negeri Sarawak atas pengambilan tanah itu. Dengar betul-betul ini. Tidak ada sesiapa pun mencadangkan kepada kerajaan untuk membina infrastruktur untuk pelancong di situ sebagaimana yang dihasrat dalam pelan induk kerajaan tetapi tidak siapa pun buat cadangan hinggalah syarikat Kabuli berbuat demikian. Semenjak tanah itu diambil oleh kerajaan, macam-macam cadangan - di sini hendak hotel, di situ hendak buat kedai tetapi di tempat ini tidak dibuat cadangan oleh kerana tanah itu teruk sangat. Sampailah Kabuli buat cadangan dan cadangan pembangunan Marina Resort yang dibuat oleh syarikat tersebut adalah satu cadangan yang sukar untuk ditolak oleh kerajaan berlandaskan pulangan kepada kerajaan, keuntungan kepada muka bumi, kecanggihan visi untuk infrastruktur pelancongan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, semua tanah yang terlibat dalam resort ini ialah 13.44 ekar tetapi tanah yang diberi kepada Marina Resort ialah 5.65 ekar. Yang lain adalah hanya had untuk reclaim di tepian pantai itu, mereka ada buat embankment, buat benteng dan selain daripada itu dibuat satu artificial island di tepian pantai itu dengan investment yang begitu besar sekali. Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Chiew Chiu Sing: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bintulu bangun pula ya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu sampai saya habis cakap. Banyak lagi capital untuk pertanyaan. Di samping itu syarikat ini dikehendaki membayar premium termasuk tanah reclaim. Kerajaan Negeri bukan mengenakan premium kepada tanah yang diberi sahaja. Ini probational geran tanah yang diberi.

Lautan yang tidak ada tanah langsung itu, yang hendak di "reclaim" itu, kerajaan kenakan premium juga kepada syarikat Kabuli ini dan semua jumlah premium yang dikehendaki dibayar kepada kerajaan negeri ialah RM3,586,321 dan tanah yang diberi, premiumnya ialah RM2,234,987. Tanah yang reclaim itu, pulau itu, ia kena juga RM1,351,334. Jadi, kenapa kalau kerajaan untung macam ini kerajaan tidak hendak pula? Infrastruktur jalan dibuat; premium dapat.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, pembinaan resort ini akan mendatangkan hasil yang tidak direct dan intangible kepada kerajaan iaitu boleh menghentikan hakisan air kerana pukulan di teluk tempat tanah tersebut. Tanah ini macam itu, Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang macam ini (*menunjukkan dengan tangannya*). Ini Tanjung Batu, sebelah ini pekan Bintulu. Kalau tunjuk macam lain orang tidak faham. Jadi, tanah itu betul-betul dekat dada saya ini. Pukulan ombak tiap-tiap kali mendatangkan hakisan, di daratan tanah ini ialah jalan raya pesisiran Sarawak yang servicing pekan Bintulu serta dengan Taman Haiwan. Jadi, kalau hakisan ombak ini tidak ditahan, jalan raya yang dibina kerajaan terpaksa dibina semula. Jadi, dengan adanya resort ini dibuat, kerajaan sudah economised menggunakan benteng, jalan raya terselamat, kedai-kedai terselamat, mungkin Yang Berhormat ini pun sendiri terselamat tidak terjatuh dalam laut.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih Yang Berhormat dari Batang Lumar. Saya ingin minta penjelasan mengapa projek yang dibuat oleh Kabuli ini tidak dibuat secara open tender supaya lebih banyak orang di Bintulu atau orang tempatan boleh menyertai dalam pembangunan ini dan saya memang tidak faham geografi Yang Berhormat dari Batang Lumar kerana dia kata bahawa tanah Bintulu adalah seperti ini (*menunjukkan dengan cara mendepangkan tangan*). Saya dari Bintulu,

hari-hari pergi sana, saya memang tidak tahu apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lumar tentang geografi Bintulu. Saya harap Yang Berhormat dari Batang Lumar akan membuat homework lebih sedikit tentang tanah Tanjung Batu di Bintulu.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini saya susahlah, kadang-kadang kita Ahli Parlimen dari luar bandar ini hendak terangkan kepada Yang Berhormat dari luar bandar macam itu, kena explain tidak payah pakai surat, kena tunjuk macam ini. Kalau orang tanya berapa jauh, sebatang rokok, letak rokok di sini, satu jam pun tidak sampai.

Jadi, saya hendak memberi penjelasan cara orang kampung kepada Yang Berhormat tadi supaya dia faham sedikit. Tetapi masalahnya cara kampung pun dia tidak faham. Memanglah telah dikelirukan oleh DAPlah. Sebenarnya Yang Berhormat dari Bintulu ini baik orangnya. Dia SUPP, bila datang dan diharu-birukan oleh orang DAP, dia pun kelirulah, bercelaru.

Jadi, Yang Berhormat persoalan kenapa tidak di "open tender". Syarikat Kabuli ini buat satu cadangan, menurutnya tanah yang 5 ekar ini diminta supaya di tepian pantai itu ada lebih kurang 5 ekar lagi hendak di "reclaim" kan from the water edge itu sampai ke laut di "reclaim" untuk menjadikan another five acres, dengan izin. Lepas itu di lautan itu lebih kurang beberapa ratus ela daripada tepian tanah yang di "reclaim" ini dibuat artificial island. Jadi, orang yang tidak kemampuan capital, tidak ada support, mungkin tidak boleh berkemampuan ataupun tidak ada visi yang sedemikian memang tidak boleh buat. Jadi, soalan tender ini, bila pembangunan itu sudah diberi kepada syarikat ini berlandaskan cadangan mereka, persoalan tender tidak berbangkit lagi. Bukan harta kerajaan lagi, ini syarikat

persendirian. Jadi, macam mana dia hendak melaksanakan atas dia sendiri. Kalau dia fikir perkara ini patut ditender, mereka akan tender. Saya mungkin masuk tender juga kalau dia tenderkan. Tetapi saya tidak bolehlah marahkan dia kalau dia tidak buat tender. Itu dia punya pasal. Dia sudah bayar RM3 juta lebih kepada kerajaan.

Jadi, satu pulau ini Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya sebut tadi lautan Bintulu ini, tanya dengan Yang Berhormat itu, memang ombaknya besar. Kadang-kadang orang karam. Jadi, dengan adanya island itu dibina di teluk ini menjadilah satu wave breaker. *(Sambil menunjukkan gambar rajah tanah yang dimaksudkan)* Sayanglah Tuan Yang di-Pertua tidak dapat tengok, ini jauh sangat, kalau tidak saya hendak tunjukkan ini. Pulau ini menjadi wave breaker. Jadi, tepian pantai, bandar, pekan, hotel dan taman yang saya sebutkan itu dapat selamatlah selama-lamanya, insya-Allah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua fakta yang keempat. Walaupun pelan perancangan pembangunan Marina Resort tersebut baik daripada segi infrastruktur, pelancongan dan intangible advantages kepada kerajaan yang tidak pernah dirancang oleh mana-mana orang lain tetapi Ketua Menteri Sarawak tidak terlibat langsung untuk meluluskannya walaupun tiap-tiap permohonan berhubung dengan pembangunan sedemikian adalah diproses oleh Pejabat Tanah dan Ukur Sarawak atas endorsement Pegawai Perancangan Negeri Sarawak, semestinya dimajukan kepada Jawatankuasa Pembangunan Negeri untuk diluluskan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri, tetapi Tuan Yang di-Pertua, permohonan ini tidak diterima oleh Ketua Menteri dan tidak dimajukan kepada jawatankuasa ini kerana conflict of interest. Jadi, Ketua Menteri sendiri semasa dia berada di

England, permohonan ini dimajukan kepada Kabinet untuk diluluskan dan Kabinet membuat keputusan tersebut adalah dengan perasaan penuh tanggungjawab berlandaskan semua aspek-aspek keperluan kerajaan, kebaikan projek, kesan kepada alam sekitar dan semua technical meritnya. Kalau keputusan yang begini dipertikaikan, saya menggunakan landasan ini untuk mencabar sama ada Yang Berhormat dari Jelutong atau mana-mana ahli DAP ataupun Yang Berhormat dari Bintulu supaya bercakap di luar bagi mengatakan yang Ketua Menteri terlibat dengan soal ini ataupun irregularity membuat keputusan ini untuk memberikan tanah ini kepada Syarikat Kabuli.

Saya menasihatkan jangan gunakan kekebalan Dewan yang mulia ini untuk 'melanyak' mana-mana ahli lain tanpa segan dan silu, tanpa melihat benar atau dusta tuduhan dan tohmahan ini dibuat. Kalau tidak berani berbuat demikian, saya cabar Yang Berhormat dari Jelutong supaya meletak jawatan sahajalah sebagai Ahli Parlimen, kerana orang macam Yang Berhormat dari Jelutong duduk lama di sini hanya mencemar akan nama baik Dewan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, hampir habis cerita saya fasal tanah Kabuli itu. Ini adalah cerita lain. Perkara ini memang saya merasa sedih dan susah hendak bercakap, tetapi terpaksa saya bercakap juga. Masyarakat Malaysia di Sarawak berasa sedih dan marah kerana perkara yang tidak pernah timbul hampir 30 tahun oleh mana-mana orang dari Sarawak, tidak sangka telah dibangkit oleh Yang Berhormat dari Jelutong. Pada 25hb April 1996 Yang Berhormat dari Jelutong dalam membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan untuk menambahkan Ahli Parlimen Sarawak telah membangkitkan soalan 20 points agreement.

Saya tahu apa itu 20 points agreement. Saya tahu apa itu 'Inter-Governmental Report' dan 'Cobbold Commission Report' dan terlebih daripada itu saya tahu mengapa di sebalik sejarah yang mewujudkan perjanjian dan laporan itu. Saya banyak membaca buku-buku dan komentar-komentar berhubung dengan sejarahnya. Tetapi saya sebagai rakyat Malaysia, anak Sarawak yang lain tidak pernah membangkit perkara 20 points agreement ini, kerana kami tahu segala hak, keutamaan dan batasan, semuanya ada terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan. Orang-orang Malaysia anak Sarawak tidak ragu-ragu semua pihak berkenaan menghormati semangat dan hakikat peruntukan itu. Perbandingan di antara Sarawak dengan Quebec, Canada oleh Yang Berhormat dari Jelutong adalah sangat-sangat dikesali.

Tuan Michael Lisa Kaya: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bukit Mas bangun.

Tuan Michael Lisa Kaya: Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Batang Lupar. Setakat ini saya rasa sebagai wakil rakyat Barisan Nasional daripada Sarawak, saya belum pernah mendengar rakyat di Sarawak mengutarakan ataupun menyuarakan perkara 20.

Saya ingin bertanya bilakah Yang Berhormat mendengar daripada Sarawak, sebab kami di Sarawak setuju dan merasa bangga kerana berada di dalam Malaysia.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan rakan saya dari Bukit Mas, biarlah saya terus-terang mengatakan, saya telah menjadi Ahli Parlimen hampir masuk tahun yang ketujuh. Saya menjadi pegawai dalam tempoh beberapa lama dan memahami serta mengetahui selok-belok

politik sebagai seorang pegawai polis dan mengetahui desas-desus, mendengar cakapan orang daripada segi intelligence reportnya ataupun sebagainya.

Saya tidak pernah mendengar orang Sarawak semenjak tahun 1966 dahulu membangkitkan soalan sebagaimana yang disebutkan oleh Jelutong iaitu soal Sarawak macam 'Quebec'.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sekali lagi. Sekiranya Yang Berhormat setakat ini belum lagi mendengar, adakah ia sesuai untuk membandingkan Quebec dengan negeri Sarawak? Kalau perbandingan itu tidak begitu betul, adakah Yang Berhormat setuju bahawa rakan di sebelah sana iaitu Yang Berhormat dari Jelutong mungkin tidak faham dengan sejarah negeri Sarawak? Kalau tidak faham mungkin Yang Berhormat kena belajar mengenai sejarah negeri Sarawak.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat dari Jelutong ini the manifestation of DAP's mentality, mungkin Kepong tidaklah begitu sangat. Tetapi the manifestation of DAP's mentality ataupun reaksi, aksi mereka iaitu 'striving and cures'. Dia suka mendatangkan huru-hara. Kalau dia mendatangkan huru-hara, barulah dia suka. Itulah soalan referendum yang tidak pernah disebut-sebutkan oleh orang Sarawak ini dibangkit-bangkitkan di sini. Orang Sarawak sendiri tidak buat, dia yang buat. Dia tidak ada cara lain lagi, tidak ada modal, tidak ada isu politik—semua tidak ada, dia bangkitkan soal Sarawak, macam orang Sarawak minta.....

Saya percaya Yang Berhormat dari Bintulu tidak ada terlibat dengan soalan ini. Saya harap dia tidaklah.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bandau bangun.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat dari Batang Lupar. Tadi, beliau telah menyentuhkan 20 perkara ini tidak pernah disentuh oleh rakyat ataupun pemimpin-pemimpin dari Sarawak. Namun demikian, saya ingin bertanya jikalau ada cadangan untuk memansuhkan 20 perkara ini, sepertimana yang disentuh oleh Ketua Pemuda UMNO ataupun jika ada usul di Dewan yang mulia ini untuk memansuhkan 20 perkara, apakah pendirian Yang Berhormat dan bolehkah Yang Berhormat menyokong usul seperti begitu?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat dari Bandau, kadang-kadang kita berjalan sama jalan, lain bahasa, lain tindakan. Jadi, saya percaya rakyat Malaysia berbincang mengenai apa persoalan yang dibangkit. Oleh itu, sebelum avenue perbincangan itu exhausted, perkara ini dibawa ke Parlimen, saya fikir tidak berbangkit. Jadi, soalnya rakyat Malaysia sebagaimana setelah 30 tahun lebih kita merdeka, kita solve kita punya problem, selesaikan kita punya masalah dan apa sahaja yang berbangkit di antara seorang dengan seorang yang lain, di antara negeri dengan negeri yang lain; bukan di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak, bahkan di antara satu negeri dengan negeri yang lain pun ada juga masalah, Yang Berhormat. Tetapi sebagai rakyat Malaysia yang sukakan keamanan dan harmoni, kita tidak boleh membangkitkan perkara ini di sini dan digembar-gemburkan. Sepatutnya perkara ini di antara kita sendiri—tidak payahlah, Yang Berhormat bukan ahli Barisan Nasional—tidak apa. Tetapi di antara kita Barisan Nasional, kita akan berbincang di sebalik pintu itu dahulu sampai habis-habisan, selepas itu barulah kita mengadakan usul yang mana baik untuk

semua, tetapi ingatlah apa yang telah dipersetujui, yang dienterence di Perlembagaan, proses Perlembagaan sendiri telah menentukan bagaimana proses itu dan perbincangan boleh dibuat. Jadi, saya membuat satu artikel berhubung perkara ini dan tunggulah dia keluar nanti, Yang Berhormat boleh bacalah.

Orang Sarawak tidak pernah membangkitkan soal referendum, orang Sarawak tidak pernah bangkit atau membuat apa sahaja tindakan, pentadbiran politik atau apa sahaja yang boleh menjejaskan kedudukan Sarawak dalam Malaysia. Saya tahu Quebec sekurang-kurangnya telah membuat dua kali referendum untuk keluar dari jajahan Kanada. Tuan Yang di-Pertua, adakah pernah orang Sarawak berbuat demikian? Bahkan belum pernah ahli politik Sarawak membuat soalan keluar dari Malaysia itu satu isu, kalau ada Tuan Yang di-Pertua, saya rela iaitu dia disifatkan sebagai 'penderhaka dan pengkhianat negara'. Kami dari Sarawak lebih rasional dan lebih bertanggungjawab daripada Yang Berhormat dari Jelutong dan lebih mengerti atas kewujudan Sarawak dalam Malaysia, itu adalah satu realiti yang irreversible, tetapi jikalau idea ini satu lagi agenda dan program Ahli dari Jelutong, mungkin juga DAP untuk mendatangkan huru-hara, saya sebagai warganegara yang taat setia, yang pernah berjuang di medan perang untuk mempertahankan konsep dan ideal negara ini, ingin memberi ingatan kepada kerajaan supaya berjaga-jaga.

Orang yang sudah bankrap politik dan agenda akan berbuat apa sahaja untuk 'political mileage', terutama sekali jika ada angin-angin pilihanraya akan diadakan. Kalau tidak mahu 'the heavy cloud' ini terapung di atas kepalanya, saya mahu Yang Berhormat dari Jelutong menarik balik—dia sendiri tak ada di sini—menarik balik dakyah, tohmahan, hasutan ini, kerana pada kami ini adalah

hasutan yang tidak boleh dimaafkan. Kalau tidak, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat DAP yang lebih rasionale, umpamanya Yang Berhormat dari Kepong mungkin lebih baik sedikit budi pekertinya boleh mengeluarkan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dari parti DAP, kerana telah menjadi petualang yang mungkin akan menghakiskan semua 'the little strength of credibility and goodness' yang mungkin masih ada di dalam DAP sebagai parti politik.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Bintulu, ingin saya nasihatkan, jika belum lagi dijangkit oleh kejahatan yang menyelubungi DAP seperti yang ditunjuk oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, biarlah awal-awal menjauhkan diri dari parti yang malang itu agar penyakit jahat yang berjangkit itu tidak menjadi 'irreversible' dan menjadi satu penyakit kepada Yang Berhormat sendiri.

Jadi, dengan kata yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong dan memberi peluang kepada rakan-rakan saya yang lain bercakap. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Keningau.

4.12 ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau): Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh kepada Dewan yang mulia ini, kerana Rancangan Malaysia Ketujuh adalah satu rancangan yang sudah ditunggu-tunggu begitu lama, dan

ianya begitu penting bagi pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal-awal lagi kita telah melihat bahawa peruntukan pembangunan dan keperluan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh telah bertambah. Tambahan ini tidak menghairankan kerana tujuan kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020 dan menjelang tahun 2020 Malaysia harus mencapai tahap pembangunan sebagai 'New Industrialize Country' dengan izin. Ini adalah objektif kita dalam Wawasan 2020. Justeru itu, Malaysia cuba dengan sedaya upaya untuk mencapai kecemerlangan ini walaupun terpaksa untuk memperbanyakkan serta mempercepatkan pembangunan dalam masa yang singkat. Tiada salahnya berbuat demikian, Tuan Yang di-Pertua. Hanya saya dinasihatkan bahawa jika negara kita terlalu cepat membangun, dan kelengkapan serta infrastrukturnya tidak mampu untuk menampung kepesatan itu, ini boleh menimbulkan 'overheating of the economy' dengan izin, dan akan mewujudkan masalah yang boleh menjejaskan rancangan ekonomi yang baik. Negara harus bertanya sama ada kita dalam keadaan merbahaya ini. Saya faham bahawa kononnya perkara ini telah pun diambil kira dan strategi sudah diperturunkan untuk mengatasi masalah serupa ini. Pendek kata, jawapannya mudah sahaja, iaitu 'export more than import' dengan izin.

Baru-baru ini kita telah diberi satu lagi pendapat daripada World Bank Economist, Encik Segero Obotso. Dia mengatakan bahawa 'Malaysia has to slow down a little bit. Malaysia is driving too fast' dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin tidak keterlaluan jika kerajaan Malaysia menggunakan ini sebagai peringatan yang baik dan buat kajian yang mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham bahawa setelah Malaysia mencapai tahap

pembangunan yang tidak kurang daripada 8.5% berturut-turut selama 8 tahun kebelakangan ini, dan ini adalah kebanggaan kita di mata dunia. Tetapi kita juga harus berhati-hati, kerana ada pepatah mengatakan 'pride goes before effort'. Justeru itu, adalah baiknya jika sekiranya nasihat-nasihat pakar ini dapat diambil kira supaya kita pasti tidak terbuta mata dengan keghairahan pencapaian kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, penekanan bahawa Rancangan Malaysia Ketujuh akan bergantung kepada produktiviti atau pengeluaran dan eksport harus diberi sokongan dan kerjasama. Hanya peningkatan produktiviti seterusnya eksport bergantung kepada sikap manusia. Adakah cukup peruntukan untuk meningkatkan kemahiran dan ketabahan jiwa pekerja-pekerja dan rakyat Malaysia. Ini adalah satu soalan yang sangat mustahak dan harus diberi perhatian yang serius, terutama sekali jika kita bertujuan mengurangkan ketergantungan kita ke atas pekerja-pekerja dan tenaga asing. Mungkin peruntukan latihan perlu diperbanyakkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh kepada negeri Sabah kelihatan bertambah, adalah difikirkan bahawa peruntukan RM4.5 bilion ini tidak mencukupi. Ini disebabkan bahawa kebanyakan peruntukan itu adalah untuk menyambung projek-projek yang belum siap, dan projek-projek yang baru seperti Universiti Malaysia Sabah, Airport baru Tawau dan infrastruktur perindustrian misalnya di Kota Kinabalu Industrial Park. Adalah diperhatikan bahawa peruntukan tidak mencukupi jika diambil kira semua janji-janji Barisan Nasional dalam pilihanraya untuk membawa wajah baru kepada negeri Sabah.

Peruntukan diperlukan untuk menghapuskan kemiskinan di negeri

Sabah kepada tahap '0' ataupun sifar, iaitu menjelang tahun 2000. Mengikut Manifesto Barisan Nasional, kemiskinan di Sabah akan dihapuskan dalam tahun ini. Begitu juga janji Barisan Nasional mengenai dengan perumahan, di mana Manifesto Barisan Nasional telah mengatakan bahawa menjelang tahun 2000 semua orang di negeri Sabah akan mempunyai sebuah rumah. Jika kita periksa peruntukan untuk perumahan, terutama perumahan kos rendah, peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, jauh sekali daripada keperluan untuk memenuhi janji Barisan Nasional itu.

Saya berharap kerajaan boleh menambahkan peruntukan untuk negeri Sabah. Jika tidak, janji Barisan Nasional dan Manifesto Barisan Nasional tidak akan tercapai. Dan kalau tidak tercapai, rakyat akan terus mengatakan bahawa Barisan Nasional bohong sahaja, dan tidak boleh dipercayai.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik adalah perkara yang selalunya ditekankan dalam soal pembangunan negara kita. Ini memang diakui baik dan diperlukan, tetapi apabila kita tekankan ini dan melaungkannya di arena antarabangsa, adakah kita lakukannya sebenar di negara kita sendiri. Sepintas lalu, mata memandang mungkin keadaan seperti inilah yang kita nampak di negara kita, tetapi berasaskan Wawasan 2020 dalam erti kata maksudnya yang sebenarnya dan oleh kerana tidak lama lagi kita akan masuk ke-abad 21, kita di negara Malaysia harus periksa diri kita sendiri sedalam-dalamnya dan seikhlas-ikhlasnya. Kita harus tanya diri sama ada dengan keghairahan kita terhadap prestasi ekonomi kita, kita telah lupa daratan dan bahawa kita mungkin, dengan tidak sengaja telah mulai menanam bibit-bibit perpecahan dan menjauhkan diri daripada tujuan asal yang suci murni iaitu untuk

mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu-padu, bersefahaman, maju dan penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, ini kerana terdapat penekanan dalam perhubungan politik dan sosial yang berasaskan pendekatan 'divide and rule' iaitu pecah dan perintah, dengan izin, dan bukannya pendekatan "love thy neighbour as thyself" iaitu cinta kasih sayang jiranmu seperti dikau sendiri. Penekanan terhadap kemelayuan adalah bertentangan dengan tujuan mewujudkan bangsa Malaysia, sedangkan bahasa Malaysia sekarang bukan lagi dikatakan bahasa Malaysia tetapi dikatakan bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, siapa tidak tahu bahasa Malaysia adalah berasaskan bahasa Melayu dan begitu juga dengan bahasa Indonesia. Adakah kita ini menekankan pengwujudan bangsa Malaysia ataupun bangsa Melayu. Ini harus difikirkan dengan baik kerana masa hadapan yang kita inginkan haruslah masa hadapan yang tenang, bersefahaman, toleransi dan penyayang serta bersatu-padu sebagai satu negara Malaysia dan bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah ini yang kita inginkan? Barangkali sudah sampai masanya untuk semua parti-parti politik perkauman, sebelum abad ke-21 bertukar menjadi parti-parti politik berbilang kaum supaya asas pengwujudan bangsa Malaysia betul-betul kukuh, teguh dan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu supaya pandangan kecil dari kami yang tidak boleh menjejaskan kedudukan sesiapa pun boleh diambil kira demi untuk kebaikan dan masa hadapan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh juga peruntukan telah diberi untuk membangunkan dan mewujudkan perkhidmatan perubatan kepada masyarakat. Di sini saya ingin

mengambil kesempatan untuk menumpukan perhatian supaya kesedaran dari pihak kerajaan dapat diperolehi iaitu mengenai dengan keadaan hospital di daerah Keningau. Hospital Daerah Keningau adalah hospital yang telah dikenalpasti sebagai satu hospital rujukan, reference hospital, kerana ianya mengambil kira daerah Pensiangan, daerah Tenom, daerah Keningau sendiri dan daerah Tambunan, tetapi hospital ini tidak mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan, ianya juga tidak cukup dengan pakar-pakar yang diperlukan. Tambahan pula, walaupun ianya dikenal sebagai hospital rujukan, kes-kes yang merbahaya terpaksa juga disampaikan kepada Hospital Kota Kinabalu dan masalahnya memang banyak sekali kerana kerap kali apabila kita menghantar pesakit-pesakit ke Kota Kinabalu, pesakit-pesakit itu mati di pertengahan jalan.

Saya berharap pihak kerajaan mengambil kira kedudukan dan keadaan hospital Daerah Keningau kerana hospital ini merangkumi begitu banyak pesakit-pesakit di persekitaran beberapa daerah. Satu masalah besar, baru-baru itu telah berlaku, iaitu berkaitan dengan merebaknya penyakit cholera, di mana begitu ramai—lebih daripada 120 pesakit telah pun terpaksa dimuatkan dalam satu bilik kecil dan ramai mereka itu tidak ada tempat tidur dan terpaksa baring di lantai sahaja. Keadaan yang ada kaitan dengan cholera ini adalah satu keadaan yang merbahaya, justeru itu, kita mengharapkan apabila peruntukan mengenai dengan kesihatan dan juga perubatan ini disemak semula, kita mintalah supaya Hospital Daerah Keningau ini diberi kelengkapan dan juga pakar-pakar yang secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak terlari peruntukan yang ada kaitan dengan keselamatan negara kita. Dalam Dewan yang mulia ini kita berkali-kali membawa hal yang ada kaitan dengan kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin, yang

sudah lebih daripada 500,000 di negeri Sabah. Bilangan yang sebenar kita tidak dapat kesan, kerana pihak kerajaan sendiri pun tidak ada mempunyai rancangan untuk memperolehi bilangan yang sebenar. Walau macam mana pun kedatangan pendatang-pendatang tanpa izin ini adalah satu perkara dan masalah yang harus tidak boleh diketepikan dan harus diambil kira dengan seriusnya.

Pengalaman di Semenanjung sudahpun ketara sekali di mana tanah-tanah kerajaan dan tanah-tanah milik perseorangan telah digunakan untuk didirikan rumah-rumah haram dan kerana itu timbul banyak emosi terhadap masalah yang ada kaitan dengan kedatangan pendatang-pendatang tanpa izin. Justeru itu, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kami mengharapkan agar tumpuan dan perhatian terhadap keadaan di negeri Sabah betul-betul dianggap sebagai satu perkara yang serius dan langkah-langkah yang tertentu harus ditentukan dan bukan hanya setakat rancangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa masa hadapan negara kita kalau dibiarkan sahaja, pendatang-pendatang tanpa izin masuk ke negara kita khususnya di negeri Sabah, peluang-peluang pekerjaan dan juga masalah-masalah sosial akan timbul dan keselamatan negara kita sendiri akan terjejas.

Kami tidak ragu-ragu menekankan perkara ini kerana nampaknya sampai sekarang perkara keselamatan dan juga keadaan sekuriti di negeri Sabah belum begitu diambil berat. Kita tahu bahawa langkah-langkah kebelakangan ini telah pun diambil dengan mengumpul pendatang-pendatang tanpa izin daripada estet-estet, daripada restoran-restoran, daripada kilang-kilang dan ada yang dihantar pulang.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi dalam tindakan ini, saya rasa langkah-langkah

untuk menghantar mereka ke negara asal mereka belum begitu memuaskan kerana dalam pengalaman yang kita lalui dalam beberapa tahun yang kebelakangan ini, ramai di antara mereka yang telah dihantar pulang tidak berapa daripada itu kembali lagi.

Ini bererti, kalau kawalan tidak diperketatkan, kalau langkah untuk memulangkan mereka ini tidak dapat dipastikan dengan betul, tentu sekali bilangan pendatang tanpa izin ini akan bertambah. Kesan buruk akan berlaku di masa hadapan.

Jadi, saya berharap, agar kakitangan dan pegawai-pegawai Imigresen serta tenaga dan personnel keselamatan boleh ditambah dan khususnya pengambilan pekerja-pekerja ataupun pegawai-pegawai ataupun kakitangan-kakitangan di dalam Jabatan Imigresen ataupun pasukan-pasukan keselamatan diambil daripada orang-orang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang harus diambil berat untuk menentukan masa hadapan Rancangan Malaysia Ketujuh dapat dilaksanakan dengan betul, dengan baik, ini adalah berkaitan dengan kestabilan politik kita sepertimana yang telah saya sebutkan tadi. Kestabilan politik kita adalah berasaskan proses demokrasi kita di negeri Sabah. Kalau proses demokrasi di negeri Sabah tidak dilakukan berasaskan peraturan, berasaskan prinsip demokrasi yang tulen, tentu sekali akan berlakunya pergolakan politik yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, masalah yang besar yang ada kaitan dengan proses demokrasi adalah pembersihan Buku Daftar Pemilih khususnya yang ada kaitan dengan pilihanraya di negeri Sabah. Ini disebabkan wujudnya orang-orang yang tidak seharusnya ada di dalam Buku Daftar Pemilih yang dinamakan pengundi-pengundi hantu sama ada

pengundi-pengundi hantu ini adalah datangnya daripada orang-orang asing tanpa izin ataupun orang-orang asing semata-mata ataupun ada di antaranya yang diwujudkan sebagai pengundi tetapi orangnya sama sekali tidak wujud.

Pilihanraya negeri Sabah telah pun menjadi satu tumpuan perhatian antarabangsa, bukan sahaja di dalam negara kita sendiri dan pemimpin-pemimpin kita selalunya bangga kerana kita melakukan sistem demokrasi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi dalam hal pilihanraya-pilihanraya di negeri Sabah, proses demokrasi sudah diputar belitkan dengan penggunaan pengundi-pengundi hantu dan juga taktik-taktik kotor yang lain seperti penggunaan wang ringgit untuk membeli undi-undi ataupun membeli ADUN-ADUN iaitu Wakil-wakil Rakyat yang telah dipilih oleh rakyat sehingga mereka lompat ke lain parti meninggalkan rakyat yang telah mengundi kepada mereka dan sehingga kerajaan yang dipilih oleh rakyat boleh bertukar ganti.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar di masa-masa yang akan datang, perkara sedemikian tidak akan berterusan dan saya berharap pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan dapat mengeluarkan semua pengundi-pengundi hantu yang masih ada di dalam Buku Daftar Pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa pemimpin-pemimpin negara Malaysia yang bertanggungjawab dan juga pihak Suruhanjaya Pilihanraya yang ingin membersihkan imej negara Malaysia akan bersetuju untuk mengambil langkah-langkah yang diperlukan dan juga untuk mendengar rayuan-rayuan daripada pemimpin-pemimpin politik yang hanya ingin melihat supaya negara kita maju bukan sahaja daripada segi pembangunan dan infrastruktur tetapi juga daripada sistem demokrasi yang tulen supaya bila-

bila masa pilihanraya diadakan di mana-mana sahaja di negara kita ini, keputusan itu dapat diterima oleh semua pihak tanpa ragu-ragu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk membuat komen terhadap pendekatan Rancangan Malaysia Ketujuh yang menekankan bahawa rancangan-rancangan di masa hadapan haruslah berasaskan capital intensive dan tidak bergantung kepada labour intensive. Tentu sekali ini adalah satu tujuan yang baik dan tujuan yang logik.

Tuan Yang di-Pertua, hanya apabila persiapan dan persediaan untuk orang-orang rakyat tempatan, rakyat Malaysia mengambil bahagian di dalam peluang-peluang pekerjaan yang akan timbul daripada usaha ini, rakyat Malaysia harus diberi latihan dan kemahiran yang secukup-cukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi masalah ialah bahawa rancangan pembangunan begitu cepat sekali dan pembangunan untuk tenaga manusia pula tidak begitu cepat. Ini bererti bila kita mewujudkan projek kebanyakan peluang-peluang kontrak, pekerjaan dan sebagainya diberi pula kepada orang daripada luar negara Malaysia. Dan ini pun sudah menjadi tumpuan perhatian daripada pemimpin-pemimpin kita sendiri. Justeru itu, adalah diharapkan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh ini, tumpuan perhatian terhadap pembangunan sumber manusia, kemahiran dan juga latihan dan juga peluang untuk anak-anak kita diberi biasiswa yang secukupnya akan dilakukan supaya keperluan tenaga manusia yang diperlukan untuk projek-projek capital intensive ini dapat disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Rancangan Malaysia Ketujuh ini memang menunjukkan bahawa pihak kerajaan telah pun mengambil kira

semua perkara, kerana itu tambahan telah pun nyata di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Hanya seperti mana yang telah kita saksikan dalam Rancangan Malaysia Keenam terutama sekali di negeri Sabah, pelaksanaannya itu adalah satu perkara yang harus diambil berat kerana, walaupun kita mempunyai rancangan yang begitu baik dan menyeluruh tetapi dalam pelaksanaannya, jika sekiranya pelaksanaan itu tidak dilaksanakan dengan baik, tidak akan tercapai tujuan rancangan Malaysia itu.

Di sini, ternyata dalam Rancangan Malaysia Keenam, satu daripada perkara yang amat penting bagi negeri Sabah iaitu dalam soal pendidikan—soal pembangunan sekolah-sekolah. 67 buah sekolah harus siap dalam Rancangan Malaysia Keenam tetapi apabila selesainya Rancangan Malaysia Keenam hanya 12 buah sekolah sahaja yang siap. Tentu sekali banyak masalah tetapi masalah itulah yang harus diambil kira oleh pihak kerajaan supaya tidak akan berlaku lagi prestasi yang tidak memuaskan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya menyokong Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6hb Mei baru-baru ini. Saya berharap hanya apabila pelaksanaan dibuat, pelaksanaan itu tidak berasaskan parti-parti politik tetapi berasaskan keperluan rakyat sebagai rakyat Malaysia khususnya rakyat Malaysia yang ada di negeri Sabah.

Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon supaya semua cadangan-cadangan dan rayuan yang telah saya sampaikan tadi bagi pihak negeri Sabah akan dapat diambil kira supaya keseimbangan itu, balance development itu dapat disampaikan kepada negeri Sabah kerana walaupun sudah ditambahkan peruntukan rancangan

daripada RM2.4 bilion dalam Rancangan Malaysia Keenam kepada RM4.5 bilion dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, ianya tidak mencukupi.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah agar tumpuan perhatian terhadap negeri Sabah dapat dibuat kerana kalau kita timbang di antara lokasi iaitu di Langkawi misalnya dan di Labuan, kalau dikumpul peruntukan pembangunan yang disampaikan kepada dua wilayah ini yang begitu kecil daripada negeri Sabah, lebih banyak peruntukan yang telah disampaikan kepada Wilayah ini daripada negeri Sabah. Sekian, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Gelang Patah.

4.46 ptg.

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut menyumbangkan sedikit pandangan dan pendapat terhadap kandungan Rancangan Malaysia Ketujuh satu perancangan yang akan menerajui rakyat Malaysia melangkah ke abad ke-21 nanti.

Berkenaan dengan pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan kualiti, Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati dengan perenggan pertama dalam senarai cabaran utama masa hadapan iaitu untuk memesatkan transformasi ekonomi daripada pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan kualiti melalui peningkatan kecekapan faktor buruh dan modal serta produktiviti faktor keseluruhan iaitu total factor productivity, dengan izin, dengan meningkatkan kemahiran, mendalamkan modal di samping memajukan pengurusan dan keusahawanan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa selama ini negara kita berjaya

menarik sejumlah besar pelaburan asing adalah kerana kita dapat menyediakan tenaga buruh yang murah. Ini sebenarnya sesuatu yang tidak berkekalan dan juga merugikan kita dari segi jangka panjang. Kini, kita telah dapat melihat bahawa ramai pelabur asing mula mengalihkan modal mereka ke negara-negara yang dapat menawarkan tenaga kerja yang jauh lebih murah, misalnya negara Vietnam dan Kemboja. Kita tidak berhak menyalahkan mereka kerana matlamat utama mereka ialah untuk mengaut keuntungan yang semaksimum mungkin kerana mengehendkan kos pengeluaran pada paras yang paling rendah.

Oleh yang demikian, dengan mengawal harga tenaga buruh tempatan supaya sentiasa rendah demi menarik pelaburan asing sebenarnya satu pendekatan yang pasif dan tidak memanfaatkan negara dari segi jangka panjang. Ini kerana kita tidak boleh sentiasa mewujudkan satu golongan pekerja tempatan yang terpaksa bekerja kuat dengan gaji yang rendah sedangkan mereka yang menceburi bidang lain telah dapat menikmati gaji yang lebih lumayan dengan bertambahnya pengalaman serta kemahiran, lebih-lebih lagi kita juga berhasrat untuk mengagihkan pertambahan pendapatan dan kekayaan negara dengan saksama.

Justeru itu, kenaikan dalam kos tenaga kerja untuk pengeluaran adalah sesuatu yang dapat dijangkakan. Maka, adalah cukup wajar bagi kita mengalihkan fokus pembangunan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan kualiti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, peningkatan kecekapan faktor buruh adalah agenda yang tidak dapat dielakkan. Dengan meningkatkan kemahiran dan kecekapan tenaga kerja dalam proses pengeluaran akan turut meningkatkan produktiviti. Ini juga membolehkan para pekerja memiliki sesuatu kemahiran yang dapat menjamin peluang bagi mereka

mencari pekerjaan pada masa-masa akan datang dan dapat menikmati gaji yang lebih tinggi, setimpal dengan sumbangan yang mereka berikan terhadap pembangunan. Ini sebenarnya salah satu faktor yang menentukan berjaya atau gagalannya hasrat kita untuk mengagihkan pendapatan dan hasil pembangunan negara dengan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada peranan pendidikan serta isu yang berkaitan dengan pendidikan. Di sini, saya ingin menyatakan, apabila berbincang mengenai peningkatan kecekapan faktor buruh, ia tidak dapat dipisahkan daripada isu pendidikan. Pada hemat saya, demi melahirkan golongan pekerja yang lebih cekap bagi menjamin produktiviti yang memuaskan, pihak kerajaan patut menyediakan lebih banyak peluang pendidikan berbentuk vokasional untuk mereka yang bertugas sebagai pekerja teknikal.

Pendidikan bersifat vokasional ini bukan sahaja penting untuk para pelajar lepasan sekolah menengah yang ingin menjadi mekanik atau pembantu jurutera dalam satu-satu bidang. Ia juga amat mustahak kepada mereka yang sudah mempunyai pengalaman kerja bagi memantapkan lagi kemahiran mereka serta mendedahkan mereka kepada teknologi yang terkini. Ini adalah sejajar dengan cadangan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia dengan menyediakan peluang untuk kemajuan diri bagi setiap individu yang juga disentuh dalam teras pembangunan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang berpotensi menjawat jawatan seperti jurutera dan doktor yang juga amat penting untuk pembangunan negara, tentulah kita menggalakkan supaya mereka diberi pendidikan pada peringkat universiti.

Rancangan Malaysia Ketujuh juga mengesyorkan sistem pendidikan, khususnya

pendidikan tinggi disusun semula dan kemasukan pelajar dalam bidang kejuruteraan dan sains dilipatgandakan bagi menambah graduan dalam bidang tersebut. Walau bagaimanapun, dalam usaha kita menyediakan tenaga kerja berkelayakan lulusan universiti, khasnya dalam bidang kejuruteraan dan sains, kita tidak patut menumpukan kepada soal kuantiti semata-mata, tetapi juga patut mengambil kira aspek kualiti para graduan yang dilahirkan nanti.

Saya membangkitkan soal kualiti para lulusan universiti kerana kita sedia maklum, universiti-universiti tempatan akan memendekkan tempoh pengajian untuk banyak jenis kursus termasuk kursus kejuruteraan demi meredakan masalah ketidakcukupan jurutera bagi pembangunan kita pada masa sekarang. Perkara ini patut kita rancang dan laksanakan dengan teliti dan pencapaian dalam aspek kuantiti jurutera tidak harus menimbulkan kesan negatif yang berbentuk pengorbanan atau pengabaian aspek kualiti para graduan.

Ini memandangkan kualiti para jurutera akan menentukan kualiti projek pembangunan, khasnya soal keselamatan dalam projek pembangunan infrastruktur yang menjadi isu hangat di kalangan orang awam, lebih-lebih lagi projek pembangunan infrastruktur yang sedang kita usahakan adalah projek yang berskala besar seperti projek lapangan terbang baru KLIA, projek Sistem Transit Ringan (LRT) dan projek menara KLCC.

Aspek keselamatan ketika pembinaan dan juga dalam masa penggunaan projek-projek pembangunan berskala besar ini bukan sahaja mempunyai hubungan langsung dengan mereka yang terlibat, malah juga boleh menjejaskan imej negara dan meninggalkan titik hitam dalam sejarah pembangunan negara Malaysia jika sesuatu yang tidak diingini berlaku. Oleh yang demikian, inginlah saya

menegaskan dalam Dewan yang mulia ini supaya dalam apa jua situasi, kita tidak boleh bertoleransi terhadap aspek kontroversi kualiti para graduan demi kebaikan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan nilai moral dan etika lepasan universiti. Di sini, saya ingin membahas tentang kepentingan moral dan etika lepasan universiti.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai pendidikan di peringkat universiti, saya ingin mengambil kesempatan memperkatakan sedikit tentang satu fenomena yang berlaku di kalangan pemegang ijazah yang pada pendapat saya juga boleh dianggap sebagai salah satu masalah sosial. Saya namakan fenomena tersebut sebagai keangkuhan intelek.

Mungkin sebagai kesan lanjutan daripada penjajahan kolonial ataupun tidak tahu di mana silapnya sistem pendidikan kita selepas merdeka sehingga hari ini, golongan terpelajar, khasnya mereka yang berkelulusan universiti kerap kali menunjukkan sikap yang mengutamakan kepentingan diri sendiri tanpa menghiraukan keperluan pembangunan masyarakat secara keseluruhan. Misalnya, mereka cenderung untuk bekerja dalam pejabat yang berhawa dingin, bertugas dalam persekitaran kerja yang bersih dan selesa, tidak rela bekerja lebih masa atau bekerja pada hujung minggu dan yang penting sekali ialah, kalau boleh, kerja mesti sedikit, tetapi gaji mesti banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tentu banyak pihak yang akan merasa kurang senang hati dengan kata-kata saya, tetapi demi kebaikan majoriti dan juga demi pembentukan sebuah masyarakat Malaysia membangun yang bermoral dan beretika, terpaksa saya menimbulkan isu ini untuk kita renung bersama dan sama-samalah kita mencari langkah penyelesaian kemudiannya.

Kalau kita mengikuti perkembangan permintaan dan penawaran dalam pasaran tenaga kerja berkelulusan tinggi, kita akan dapati adalah lebih mudah mencari jurutera bekerja di dalam pejabat dengan waktu kerja yang tetap berbanding mendapatkan jurutera tapak yang perlu bekerja di bawah matahari dan juga kadangkala terpaksa bekerja lebih masa. Ini mungkin akibat daripada satu persepsi negatif yang berleluasa dalam masyarakat kita selama ini iaitu orang berpelajaran dan berilmu adalah golongan yang berstatus khas dan patut elakkan daripada dikotorkan atau dicemarkan dengan kerja-kerja yang susah. Ini telah membawa kepada fenomena di mana tenaga kerja yang berkelulusan tinggi cenderung untuk memilih untuk bekerja dalam persekitaran yang lebih selesa dengan beban kerja yang kurang dan tanggungjawab yang tidak banyak.

Sekiranya fenomena ini dibiarkan berlarutan, ia akan mengakibatkan pelaburan kita dalam bidang pendidikan tidak mengembalikan hasil yang diharapkan atau dengan kata lain tenaga kerja berpelajaran tinggi tidak menyumbang kepada pembangunan negara sebagaimana yang diharapkan dan ini merupakan satu pembaziran sumber manusia yang tidak boleh dipandang remeh.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah tiba masanya untuk kita meneliti dengan serius fenomena keangkuhan intelek ini. Adakah sistem pendidikan kita bertujuan melahirkan satu golongan manusia yang cuma rela bekerja di dalam pejabat berhawa dingin sedangkan di tempat-tempat lain dahagakan khidmat mereka? Apakah langkah yang perlu kita ambil untuk membebaskan masyarakat umum daripada belunggu persepsi orang yang berpelajaran adalah golongan yang mulia dan kerja senang manakala kerja yang serba-serbi susah dikhaskan untuk mereka yang tidak berpelajaran? Persepsi yang negatif ini secara tidak langsung juga

telah membawa kepada kecenderungan di kalangan pelajar lepasan sekolah menengah untuk memilih kursus bersifat pengurusan di peringkat universiti dan tidak suka untuk mengikuti kursus Sains Gunaan ataupun kursus kejuruteraan yang lebih penting untuk pembangunan negara pada masa sekarang, sedangkan mereka tahu bahawa negara kita amat memerlukan graduan dalam bidang kejuruteraan dan sains untuk projek-projek pembinaan dan juga aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya amat bersetuju agar kita melipatgandakan usaha untuk menerapkan nilai-nilai positif seperti berdisiplin, bekerja kuat, berintegriti, berdaya tahan, bertoleransi, berjimat, jujur, menghormati orang yang lebih tua dan seumpamanya dalam sanubari setiap warganegara Malaysia melalui sistem pendidikan pada semua peringkat melalui organisasi dan pertubuhan perniagaan serta melalui program kekeluargaan sepertimana yang disarankan dalam teras pembangunan berkaitan dengan aspek nilai moral dan etika dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Penerapan nilai-nilai positif ini nampaknya perlu ditekankan dengan lebih berkesan pada peringkat pengajian tinggi kerana para graduan kita sudah memaparkan kelakuan yang bertentangan dengan nilai-nilai tersebut. Selain daripada terbabit dengan jenayah intelek atau jenayah kolar putih, mereka kini sudah tidak sanggup bekerja kuat tetapi sentiasa berikhtiar untuk mencari short cut, dengan izin, lebih menghormati orang kaya daripada orang tua dan sebagainya. Kesemua ini adalah didorong oleh individualisme yang kental yang kadangkala sanggup mengorbankan kepentingan golongan majoriti semata-mata untuk memenuhi kehendak peribadi. Sekiranya inisiatif tidak diambil untuk menangani masalah ini, ia akan menjadi perintang kepada usaha kita untuk

mengagihkan kekayaan negara dengan saksama serta penyusunan semula masyarakat dan mungkin akan mencetuskan konflik antara kelas yang berkelulusan tinggi dengan golongan yang mendapat pendidikan minimum. Justeru itu, saya berharap perkara ini mendapat pertimbangan yang sewajarnya ketika menggubal dan melaksanakan dasar-dasar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada teknologi maklumat, information technology, dengan izin. Berbincang mengenai cabaran untuk membolehkan negara beralih daripada hanya sebagai pengguna produk multimedia kepada pembekal dan pemaju teknologi maklumat dengan memperkukuhkan sains dan teknologi dan meningkatkan penyelidikan dan pembangunan adalah tidak memadai jika kita hanya mampu mengenal pasti perkara ini sebagai satu cabaran tetapi tidak mengambil langkah bersungguh-sungguh untuk menukarkan cabaran tersebut kepada satu bentuk kejayaan. Buat masa ini apabila kita memperkatakan tentang peralatan komputer mahupun ciptaan yang canggih dan sofistikated, kita hanya menumpu kepada cara untuk menggunakannya dan bukanlah bagaimana untuk menghasilkannya sendiri dan kalau boleh mempertingkatkan prestasi alat-alat tersebut.

Mengimbas kembali kepada ketika di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mencadangkan pembuatan kereta nasional, ramai pihak dalam negara kita sendiri mencurigai kemampuan Malaysia untuk menghasilkan kereta buatan tempatan tetapi masa dan kenyataan telah memberitahu kita bahawa Malaysia memang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan saranan untuk menjadi pembekal dan pemaju teknologi maklumat, saya percaya pada peringkat permulaan tentulah

ramai pihak yang kurang yakin dengan kebolehan rakyat Malaysia dalam bidang ini. Secara peribadi, saya yakin Malaysia boleh. Walau bagaimanapun, saya terpaksa mengakui bahawa untuk menjadikan Malaysia pembekal dan pemaju dalam bidang teknologi maklumat kita benar-benar terpaksa berusaha bersungguh-sungguh. Kegiatan penyelidikan dan pembangunan akan menjadi faktor dominan dalam soal ini kerana untuk menjadi pembekal dan pemaju peralatan IT kita tidak boleh mengharapkan hasil penyelidikan negara lain.

Kita mesti mengusahakan rancangan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang IT dalam negara kita sendiri. Sektor kewangan dan sektor kepakaran adalah dua komponen utama dalam kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kewangan ini akan melibatkan sejumlah perbelanjaan yang besar, terutamanya perbelanjaan atas kos membeli peralatan penyelidikan dan yang diperlukan. Pihak swasta selalunya keberatan untuk melaburkan jumlah wang yang besar untuk penyelidikan kerana jangka masa pulangnya agak panjang dan risikonya juga tinggi. Maka pihak kerajaan harus menambahkan peruntukan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang ini. Di samping itu, langkah-langkah juga patut diambil untuk mempercepatkan proses permohonan dana penyelidikan oleh pihak-pihak yang berminat, khasnya universiti tempatan. Sektor swasta juga patut digalakkan untuk turut terlibat dengan memberikan tawaran potongan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan dari segi tenaga kerja, pakar pula boleh diatasi dengan mengimport penyelidik yang berpengalaman dari luar dan pada masa yang sama mula menggalakkan para graduan tempatan membabitkan diri dengan kerja-kerja penyelidikan khusus

yang berkaitan dengan teknologi maklumat di institusi pengajian tinggi tempatan, boleh diperbanyakkan dan sukatan pelajarannya patut disusun sedemikian rupa, agar dapat memupuk minat pelajar untuk mengetahui bagaimana caranya menghasilkan sesuatu produk teknologi maklumat dan bukannya terhad kepada bagaimana untuk menggunakan sesuatu kemudahan teknologi maklumat.

Penerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun mahupun pihak swasta juga harus digalakkan untuk mengikuti kursus dalam bidang teknologi maklumat khasnya mereka yang ditaja mengikuti pengajian tinggi di luar negara.

Pada peringkat permulaan kita tidak dapat mengelakkan daripada bergantung kepada kepakaran dari luar untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan, tetapi dari segi jangka panjang, kita juga patut mencungkil dan melatih anak watan kita untuk menceburi bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, keterlibatan Malaysia dalam bidang teknologi maklumat adalah sesuatu yang tidak terelak dalam zaman ledakan maklumat ini. Kini maklumat lebih menjadi satu sumber pengeluaran yang kritikal. Sesiapa yang dapat menguasai maklumat yang terkini dan relevent, dialah yang akan muncul sebagai pemenang dalam apa jua bentuk persaingan, baik dalam dunia perniagaan mahupun dalam percaturan yang membabitkan kepentingan politik. Tidak kira sama ada kita cuma sebagai pengguna produk, multimedia, mahupun menjadi pembekal dan pemaju IT.

Kita perlu sentiasa berwaspada terhadap implikasi negatif yang dibawa oleh kemajuan dalam bidang teknologi maklumat. Kita perlu sedar bahawa teknologi maklumat boleh membina, tetapi juga boleh membinasakan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai negara sedang membangun yang memperlihatkan kadar pertumbuhan yang memberangsangkan secara berterusan dalam masa hampir satu dekad tentu menarik perhatian global dan mungkin menjadi sasaran penyerangan negara-negara yang iri hati dengan pencapaian kita.

Yang saya maksudkan dengan penyerangan bukanlah penyerangan menggunakan senjata api, tetapi lebih kepada penyerangan dengan menggunakan kemudahan teknologi maklumat dengan niat untuk mempengaruhi fikiran rakyat Malaysia, mencari jalan untuk menimbulkan perasaan tidak puas hati terhadap kerajaan, menerapkan unsur-unsur tidak bermoral ke dalam kehidupan generasi muda dan sebagainya. Dalam konteks ini, kita perlu mengambil pendekatan yang proaktif ini kerana adalah mustahil bagi kita untuk mengenal pasti semua saluran yang digunakan oleh pihak tertentu bagi meracuni fikiran rakyat dan menutup saluran-saluran tersebut. Namun, kita boleh mendidik rakyat kita menjadi individu yang mempunyai kemampuan menganalisa serta mempunyai daya bertahan terhadap sebarang tarikan unsur-unsur yang tidak bermoral.

Sekali lagi usaha untuk menerapkan dan memantapkan nilai moral yang positif serta etika dalam sanubari rakyat Malaysia menjadi begitu penting sekali. Adalah lebih mudah, kita mengajak rakyat bersama-sama memerangi sebarang usaha dari luar yang berniat membantukan pembangunan kita daripada kerajaan bertahan secara bersendirian. Maka rancangan pembangunan kita pada masa-masa akan datang nampaknya tidaklah sempurna kalau hanya tertumpu kepada pembangunan ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar. Bagaimana untuk melahirkan sumber manusia yang bukan sahaja produktif malah dapat sama-sama berganding bahu memastikan

kesinambungan pembangunan ber-sandarkan moral yang mulia serta etika yang positif, nampaknya juga merupakan satu cabaran yang perlu kita hayati dan tangani dengan serius.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembangunan infrastruktur, saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk meminta pihak Jabatan Perancang Ekonomi supaya dapat mengambil tindakan yang proaktif serta secepat mungkin, untuk menunaikan perjanjian yang pernah diberikan supaya jejambat-jejabat kenderaan di persimpangan Jalan Persisiran Perling dan Jalan Skudai, di persimpangan Jalan Gelang Petah dan Jalan Skudai, di persimpangan Jalan Pontian dan Johor Bahru dapat dilaksanakan supaya mengelakkan atau menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya yang serius di jalan-jalan itu. Kerana semasa saya membuat pertanyaan di Dewan Negeri semasa saya memegang jawatan Ahli Dewan Negeri kawasan Gelang Patah pada tahun 1992, ada terdapat jawapan bahawa jejambat-jejabat itu akan dibina dalam Rancangan Malaysia Keenam, tetapi hingga masa sekarang belum dimulakan. Kita sekarang akan masuk ke dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, dan saya harap projek-projek yang saya sebutkan tadi dapat dilaksanakan pada peringkat awal Rancangan Malaysia Ketujuh. Yang penting sekali adalah pelaksanaan. Kalau kita ada rancangan dalam Rancangan Malaysia Keenam, tetapi belum ditunaikan, dan bila masuk ke Rancangan Malaysia Ketujuh pun tidak ditunaikan, saya khawatir kita akan hilang kepercayaan daripada pemilih-pemilih Kerajaan Barisan Nasional. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab untuk pelaksanaan projek-projek ini, kita amat perlu dapat kerjasama daripada semua pihak terutama pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, terutama daripada Jabatan EPU, kerana jabatan ini yang dapat memberikan 'green light' dengan izin, untuk projek yang saya sebut tadi diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian serta permintaan tentang pembangunan infrastruktur itu, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6hb Mei, 1996 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Santubong.

5.23 ptg.

Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut serta untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan usul Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi pada 6hb Mei, 1996 di dalam Dewan yang mulia ini. Rancangan lima tahun negara adalah sangat penting, khasnya bagi pembangunan negara yang terancang dan teratur serta disusuli oleh program dan langkah strategi yang membolehkan kita mencapai matlamat pembangunan seperti yang telah ditetapkan. Kini negara kita telah berada di satu tahap yang amat membanggakan, iaitu pertumbuhan ekonomi sebanyak 8% setahun, pendapatan per kapita bernilai RM9,786 pada tahun 1995, KDNK pada kadar 8.7% setahun dan kadar penganggur iaitu di tahap 2.8%.

Tuan Yang di-Pertua, kita turut bangga dengan pencapaian negara kita, iaitu ianya telah memasuki ke taraf sebuah negara maju, di mana pertumbuhan ekonomi kita telah bertumbuh pada kadar 8% setahun, di mana cabaran utama ialah mengubah ekonomi daripada pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan kualiti. Ini boleh dicapai melalui peningkatan kecekapan penggunaan tenaga buruh dan modal,

kemahiran, pendalaman modal dan peningkatan pengurusan dan keusahawanan. Tetapi banyak lagi perkara atau langkah penting yang perlu diambil untuk betul-betul membawa negara kita ke tahap pembangunan selari dengan negara maju yang lain.

Banyak pembangunan harus dibawa di dalam negara kita sendiri, khasnya ke peringkat luar bandar. Kita telah meyakinkan orang dari luar negara akan kejayaan cemerlang kita. Tetapi apakah kita sudah meyakinkan penduduk kita sendiri akan kemajuan yang kita telah capai. Mereka masih memerlukan jalan yang baik. Jalan tanah merah pun belum tentu. Bekalan elektrik dan air, ini adalah kehendak asas. Kadang-kadang kita hendak bercakap mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh pun segan di dalam kawasan sebab takut dilemparkan pula dengan persoalan yang lebih mendesak dengan mereka perlukan.

Bagi kemajuan di luar negara, saya amat mengalu-alukan langkah bijak yang diambil oleh kerajaan untuk membangunkan sektor perkhidmatan yang moden, dinamik dan berorientasikan eksport yang bukan sahaja menjadi pemangkin utama pertumbuhan, tetapi juga pengeksport perkhidmatan yang berpotensi termasuk pendidikan, kewangan dan khidmat rundingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat setuju dengan kenyataan atau komitmen kerajaan yang bertujuan untuk mengurangkan pergantungan terhadap import, iaitu kerajaan akan menggalakkan proses pengeluaran yang lebih bersepadu dengan memperkukuhkan rangkaian antara industri dan meningkatkan pengeluaran dalam negeri bagi barangan modal dan barangan perantaraan terpilih serta peningkatan kecekapan dan produktiviti dalam penggunaan sumber bagi memperkukuhkan daya saingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahas di dalam perkara pembangunan pertanian. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar 2.4% setahun dan bahawa jumlah KDNK dijangka berkurangan daripada 13.6% dalam tahun 1995 kepada 10.5% dalam tahun 2000. Juga adalah diakui bahawa kita akan mengalami peralihan ekonomi yang pesat dan persaingan global, dan oleh yang demikian, harus dikaji semula Dasar Pertanian Negara dengan menumpukan kepada peningkatan produktiviti melalui penggunaan sepenuhnya sumber pertanian secara lebih cekap berasaskan kepada pendekatan seperti menggalak penyertaan sektor swasta dalam pertanian secara berskala besar, khasnya dalam keluaran komoditi makanan, meningkatkan daya saingan dengan pasaran yang lebih liberal, mempercepatkan penggunaan teknik penjimatan buruh melalui mekanisasi dan automasi, menggalakkan pelaburan di luar negara dalam pengeluaran komoditi pertanian, mempergiat usaha penyelidikan dan pembangunan dalam aktiviti hiliran untuk meningkat industri berasas pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh bersetuju dengan kenyataan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh mengenai penggunaan tanah terbiar atau di Sarawak 'tanah adat' untuk pembangunan pertanian secara produktif dan berkesan. Dalam program pertanian akan diurus ke arah meningkatkan produktiviti dan daya saingan sektor pertanian serta memoden dan mengkomersilkan sektor pekebun kecil, di mana program *in situ* akan dipergiatkan.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru agar pembangunan IADP disusun semula dan diperbanyakkan khasnya di Sarawak. Saya cukup tertarik dengan kenyataan bahawa pelaksanaan IADP akan disusun semula berasaskan kepada konsep

integrasi secara menegak, pelbagai komponen pembangunan pertanian termasuk pengagihan input, pengeluaran, pemerosesan, pemasaran dan perkhidmatan lain yang berkaitan. Pengkhususan kepada pengeluaran satu atau beberapa komoditi tertentu akan dijalankan bergantung kepada kesesuaian tanah dan keadaan geografi. Aktiviti ekonomi luar ladang seperti pemerosesan pertanian, industri berasaskan pertanian serta industri kecil-kecilan akan juga digabungkan sebagai pakej di bawah projek ini untuk memberi pendapatan tambahan kepada petani.

Pengurusan projek ini akan disusun semula atau diswastakan bagi meningkatkan keberkesanannya termasuk penggalakan penyertaan pertubuhan peladang kawasan dalam penswastakan projek ini kelak. Di Sarawak kita memerlukan satu peralihan "paradigme shift", dengan izin, dalam membangunkan sektor pertanian untuk memberi pulangan yang berhasil. Keluasan tanah di Sarawak ialah 124,449,51 kilometer persegi berbanding dengan Semenanjung Malaysia iaitu 131,887,03 kilometer persegi. Dari segi jumlah "export earning", dengan izin, kelapa sawit dan produknya dari Semenanjung adalah antara RM5 bilion hingga RM6 bilion berbanding dengan hanya RM0.1 bilion di Sarawak. Dari segi jumlah "export earning" getah dan produknya adalah pada nilai RM2 bilion hingga RM3 bilion di Semenanjung dan RM0.02 bilion di Sarawak.

Pada masa ini jumlah kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit di Sarawak adalah kira-kira 100,000 hektar berbanding dengan 2.167 juta hektar dalam negara dan bagi getah pula iaitu 209,000 di Sarawak berbanding dengan 1.8 juta hektar di seluruh negara. Ini menunjukkan bahawa Sarawak masih mempunyai banyak potensi untuk dibuka bagi tanaman secara komersil, khasnya bagi tanaman kelapa sawit, ini juga akan mewujudkan

beberapa potensi bagi 'agro-processing' dan 'agro-based industries', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, keluasan tanah yang belum lagi diterokai adalah sangat besar. Keluasan tanah gambut (peat soil) dengan izin, berjumlah 1.677 juta hektar. Tanah di bawah 'shifting cultivation', dengan izin, berjumlah 3.588 juta hektar dan tanah adat yang masih terbiar adalah berjumlah 1.5 juta hektar. Oleh yang demikian, saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pertanian apakah perancangan yang akan dijalankan oleh kementerian untuk menerokai potensi ini, khasnya program pembangunan pertanian di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh?

Status komoditi makanan, khasnya keluaran beras, untuk aspek keselamatan, dengan izin, 'food security', dan penambahan pendapatan bagi pengeluar bahan-bahan pertanian adalah menjadi satu perkara yang sangat penting. Malaysia banyak bergantung daripada negara luar, khasnya atas barang makanan. Ini boleh melibatkan kesan yang negatif dari segi keselamatan negara dan pengaliran keluar mata wang Malaysia. Seperti yang dijelaskan tadi, Sarawak mempunyai keluasan tanah yang begitu banyak iaitu 6.765 juta hektar. Adakah mungkin Sarawak boleh dibangunkan untuk menjadi sebuah lagi jelapang padi di Malaysia? Adakah kementerian mengkaji kemungkinan ini?. Selain daripada mengeluarkan padi atau beras untuk Sarawak ianya juga boleh menampung keperluan di seluruh negara. Kita tidak dapat bergantung seterusnya kepada pembekal beras dari luar negara, khasnya dari segi kestabilan politik negara luar dan turun naiknya harga-harga yang ditawarkan. Oleh yang demikian, saya menyeru, khasnya Kementerian Pertanian atau badan-badan tertentu untuk menjalankan usaha sama dengan pengeluar tempatan bagi membangunkan sektor pertanian di Sarawak secara besar-besaran

dan yang memberi faedah untuk semua termasuklah penglibatan pertubuhan peladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru di sini agar agensi seperti Mardi, Felcra, Fama dan Bernas mengkaji beberapa kemungkinan untuk membangun beberapa projek, dengan izin, "model food productions", seperti, dengan izin, "integrated rice and vegetable project", termasuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan pasaran di beberapa kawasan, tanah yang berpotensi dengan keluasan yang ekonomik.

Kita di Sarawak memerlukan sesuatu dengan izin, "quantum leaps", dari segi prestasi pembangunan pertanian di Sarawak, khususnya, untuk mendorong pembangunan ekonomi yang memberangsangkan. Saya juga menyeru supaya pelabur-pelabur yang berkemampuan di Semenanjung silalah lihat potensi di Sarawak. Kenapakah mereka ini dapat melabur di negara-negara luar seperti Kemboja, Vietnam, China, Indonesia, Filipina dan South Africa dan banyak negara-negara lagi? Inilah yang menyebabkan Sarawak tertinggal dari segi pembangunan berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung iaitu, dengan izin, "the second lowest".

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan infrastruktur - bekalan elektrik dan air di Sarawak. Tidak dapat dinafikan bahawa kadar pembangunan adalah diukur daripada kemudahan infrastruktur yang diadakan di kawasan. Orang kampung melihat pembangunan dari aspek pembinaan jalan, bekalan elektrik dan air dan mungkin diikuti dengan kemudahan-kemudahan lain. Sarawak masih ketinggalan dari segi pembangunan kemudahan infrastruktur. Mengikut beberapa statistik kita dapat lihat bahawa Sarawak memang ketinggalan. Jadi, statistik yang saya petik adalah dalam tahun 1994.

Infrastruktur	Sarawak (KM)	Sabah (KM)	Semenanjung (KM)
Jalan berturap	2,878	2,551	22,816
Jalan kerikil	3,062	5,395	5,418
Jalan Tanah	962	760	640

Dari segi bekalan air, pada tahun 1990 Sarawak mencapai ke tahap bekalan air 61.2%, di Semenanjung 78.3%. Pada tahun 1995, Sarawak mencapai tahap 69.3%, di Semenanjung 83%.

Bagi bekalan elektrik pula, dalam tahun 1990 di Sarawak 58%, di Semenanjung 89%. Dalam tahun 1995, bekalan elektrik di Sarawak 76% dan di Semenanjung 92% iaitu hampir-hampir semua dapat bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pembangunan adalah lembab atau terbantut oleh sebab masalah kurangnya kemudahan seperti yang saya sebutkan tadi. Oleh yang demikian, saya menyeru bagaimanakah dari hal pembinaan jalan pesisir atau coastal road di Sarawak yang dapat membuka banyak regional growth centres, dengan izin, yang dapat menghasilkan banyak keuntungan kepada orang tempatan?

Saya juga menyeru di sini, khususnya dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar agar mengkaji semula dari segi peruntukan bekalan air dan elektrik, khususnya bagi bekalan air, sekarang ini kementerian mengagihkan 80% dalam bentuk pinjaman dan 20% dalam bentuk geran. Tetapi saya menyeru untuk me"reverse"kan keadaan tersebut iaitu oleh kerana statistik masih menunjukkan keperluan, masih banyak diperlukan daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi, saya menyeru agar 80% ditukarkan dalam bentuk geran dan 20% pinjaman sehingga satu tahap yang baik iaitu sehingga Sarawak mendapat bekalan air 80% khususnya di kawasan-kawasan luar bandar,

barulah kita "revert" semula kepada keadaan sekarang.

Saya juga menyeru di sini, agar pihak Kerajaan Persekutuan dapat memaklumkan apakah rancangan atau projek besar-besaran atau pembangunan yang akan dibawa ke Sarawak khususnya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai pembangunan sektor pelancongan. Di Sarawak, sektor pelancongan adalah satu potensi yang sangat besar yang harus diterokai untuk membawa hasil dan produktiviti yang tinggi demi pembangunan ekonomi di Sarawak. Industri pelancongan di Sarawak, telah membangun ke tahap yang amat membanggakan iaitu dengan menonjolkan tiga komponen besar iaitu mengenai produk, pemasaran dan operasi atau pelaksanaan.

Sarawak telah mengketengahkan mengenai CAN iaitu, dengan izin, Cultural Tourism untuk 'C', 'A' itu bermakna, dengan izin, Adventure dan 'N' dengan izin, Nature. Kita mempunyai rangkaian yang meluas mengenai taman-taman negara dan 'sanctuaries', dengan izin, sejarah yang kaya dengan beberapa kumpulan etnik yang berlainan, sungai-sungai yang megah dengan "bujang-bujang senang," hutan yang luas, gua yang terbesar di dunia, yang menjadi produk yang dapat dihidangkan atau dipasarkan kepada pelancong-pelancong. Tetapi, malangnya semua ini tidak dapat dibangunkan seperti yang dirancang dan dikehendaki oleh kerana satu masalah yang begitu asas iaitu kemasukan yang terhad pelancong tempatan mahu pun asing ke Sarawak oleh kerana masalah penerbangan.

Kita semua ketahui bahawa satu cara yang paling mudah untuk ke Sarawak adalah melalui penerbangan atau adakah mungkin Feri Malaysia akan dihidupkan

semula? Masalah penerbangan adalah menjadi satu batu penghalang kepada pembangunan pelancongan di Sarawak. Target Kerajaan Negeri Sarawak adalah untuk mendapat kemasukan 1.5 juta orang pelancong setahun. Tetapi setakat ini, kemasukan pelancong adalah pada kadar 24,000 orang seminggu ataupun 1.2 juta orang pelancong setahun dengan penerbangan 868 flights, dengan izin, untuk satu minggu.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru khasnya Kementerian Pengangkutan untuk MAS mengadakan banyak lagi penerbangan atau membenarkan syarikat penerbangan lain beroperasi terus ke Sarawak. Ini akan memungkinkan

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Seorang Ahli: Janjikan?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Ini berjanji, Santubong sama Batang Lupar. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Santubong.

Jadi, saya memang berminat dengan soalan pelancongan ini. Pada tahun 1994 saya pernah ditawarkan untuk melihat bilateral agreement, bilateral negotiation yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan berhubung dengan kemasukan penerbangan-penerbangan lain ke Malaysia. Tetapi, masalahnya adalah iaitu ditawarkan Pulau Pinang/Kuala Lumpur/Kuching umpamanya ataupun ditawarkan Kuala Lumpur/Kuching/Kota Kinabalu. Jadi, dengan sendirinya penerbangan-penerbangan lain daripada luar negara dia choose conventional stopover yang pertama iaitu Kuala Lumpur ataupun Pulau Pinang.

Jadi, dengan sendirinya Sarawak tidak mendapat the first stopover, dengan izin, dan dengan itu juga pelancong semuanya

bertumpu ataupun berduyun pergi ke Pulau Pinang ataupun ke Kuala Lumpur. Jadi, Ahli Yang Berhormat bersetuju atau tidak kalau pihak kementerian boleh mendesak Kementerian Pengangkutan supaya apabila ada bilateral negotiation ataupun agreement dengan pihak penerbangan asing hendak masuk ke Malaysia, mestilah ditawarkan supaya dengan realistiknya kalau ditawarkan Kuching mestilah dibandingkan dengan Kota Kinabalu dan Johor, jangan dibanding dengan Pulau Pinang dan Kuala Lumpur kerana pilihan mesti Kuala Lumpur ataupun Pulau Pinang, dengan sendirinya Kuching tidak mendapat pilihan pertama.

Jadi, orang yang hendak pergi ke Kuching itu menggunakan transit, kalau transit tidak cukup seat, jadi dia tidak boleh pergi, dengan sendirinya infrastruktur yang kita buat, wang yang kita belanja beribu-ribu dan berjuta-juta ringgit tidak boleh mendatangkan hasil pelancongan.

Jadi, macam mana pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai persoalan yang saya bangkitkan itu? Terima kasih.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saudara saya dari Batang Lupar, sebab satu perkara yang hendak dipromosikan ialah 'buaya-buaya bujang senang' yang banyak terdapat di Batang Lupar - adventure, ia termasuk dalam kategori adventure. Memanglah saya cukup-cukup bersetuju, sebab saya rasa perkara ini telah dibincangkan berbilang-banyak kali tetapi kita tidak putus asa, ya Ahli Yang Berhormat, kita tiap-tiap kali kalau dapat membuat ucapan akan masih mengketengahkan perkara ini supaya Kuching diberilah peluang, supaya kita dapatlah mencapai matlamat. Pada hal matlamat kita adalah satu matlamat yang begitu kecil dibandingkan dengan kadar pelancong-pelancong yang datang di negeri-negeri lain iaitu saya katakan tadi, matlamat kita adalah 1.5 juta orang.

Jadi, memanglah saya rasa semua rakan kita daripada Sarawak termasuklah saudara dari Bintulu akan bersatu hati dari segi membawa banyak lagi penerbangan masuk ke Sarawak.

Jadi, saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, kenapa hingga sekarang tidak ada dibina Hotel Seri Malaysia - di seluruh Sarawak belum ada - untuk khasnya budget travellers, dengan izin, dan apakah juga program yang dijalankan bagi meningkatkan lagi domestic tourist, dengan izin, di seluruh negara? Ini juga adalah dari segi membawa pelancong-pelancong termasuk untuk memasuki negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah atas pengiktirafan yang diberi kepada kaum wanita iaitu separuh daripada penduduk di Malaysia ini khasnya mengenai tenaga kerja. Saya juga sangat bangga dengan langkah kerajaan yang akan mengkaji semula Akta Kerja Tahun 1955 yang akan membolehkan wanita bekerja secara sambilan. Peluang-peluang pendidikan dan latihan akan disediakan untuk wanita bagi meningkatkan kerjaya-kerjaya mereka dalam pasaran buruh.

Saya juga ingin bertanya, apakah langkah yang akan diambil untuk membekalkan wanita dengan kemahiran pembangunan keluarga dan cara mengimbangi tanggungjawab antara keluarga dan kerjaya. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah wanita dan menyediakan persekitaran yang sesuai bagi membolehkan wanita untuk turut mengambil bahagian dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi. Apakah perkembangan terkini mengenai Dasar Wanita Negara dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan Dasar Wanita Negara?

Tuan Yang di-Pertua, ini sebagai penutupan. Beberapa statistik penting akan menunjukkan bahawa Sarawak masih memerlukan banyak peruntukan dan input, dengan izin, untuk membangun dan meletakkannya setaraf dengan negeri-negeri lain dalam Malaysia. Sarawak masih diiktiraf sebagai negeri yang, dengan izin, second last, sebab lebih senang menyebut 'second last' daripada ia masuk dalam Bahasa, dari segi pembangunan.

Dalam tahun 1995, pertumbuhan ekonomi Sarawak adalah ditahap 6.8% berbanding dengan tahap negara iaitu 8.4%. Per kapita GDP Sarawak iaitu RM4,792 berbanding dengan tahap negara iaitu RM5,909. GDP keseluruhannya Sarawak RM9,089 juta, negara pula iaitu RM120,686 juta. Kadar kemiskinan Malaysia keseluruhannya 8.8% tetapi di Sarawak masih ditahap 17%. Oleh yang demikian, peruntukan yang diagihkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh harus mengambil kira kedudukan negeri Sarawak iaitu yang second last. Tetapi, peruntukan yang diagihkan hanyalah RM4.5 bilion iaitu hanya 6.7%, walaupun kerajaan negeri Sarawak pernah memohon RM11.58 bilion. Kita mesti mengingatkan faktor keluasan saiz Sarawak yang sangat luas.

Saya sangat berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat mengkaji semula dan memberi peruntukan seperti yang dipohon untuk mempertingkatkan kedudukan negeri Sarawak membangun seperti negeri-negeri membangun yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelutong.

5.54 ptg.

Tuan R. Karpal Singh: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam

membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh dalam Dewan yang mulia ini pada hari Isnin yang lalu. Beliau ada menyatakan bahawa kejayaan tentu dicapai kerana Barisan Nasional adalah jadi kerajaan dan oleh itu rancangan ini tentu berjaya. Saya terima itu sebagai ringkasan apa yang dikatakan olehnya tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu adalah untuk menentukan kejayaan itu harus ada dalam negara ini pemimpin-pemimpin yang baik, jujur, yang boleh dipercayai.

Sebelum saya masuk Dewan yang mulia ini hari ini, apa yang saya difahamkan dan apa yang saya dengar daripada satu konco daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak - Batang Lupar. Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar mempertahankan Ketua Menteri itu. Kenapa Ketua Menteri itu tidak ada dalam Dewan yang mulia ini? Tidakkah beliau mengetahui bahawa selepas Rancangan Malaysia Ketujuh dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, perbahasan dimulakan.

Dan ada kemungkinan besar bahawa apa yang saya cuba untuk bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, 2 minggu dahulu, saya tidak dapat berjaya untuk memberi butir-butir mengenai tuduhan saya terhadap dia. Apa yang saya nyatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, adakah Ketua Menteri Sarawak seorang yang boleh dipercayai memandangkan satu kes di mana tanah seorang Goh Meng Keat, bukan. Chan Chong Meng, ada kesilapan saya. Mangsa ini, tuan punya kepada lebih kurang 10 ekar, di bawah nama dia, di Tanjung Batu di Bintulu. Saya telah berbincang dengan mangsa ini, beliau terima bahawa in the larger interest of the country, tanah dia boleh diambil alih di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Sarawak.

Tetapi, apa yang penting adalah ini, bukan bahawa beliau adakah tidak buat rayuan kepada tawaran yang diberi

kepadanya, bagi 10 ekar ini lebih kurang RM180,000 - untuk 10 ekar. Baiklah, dia terima. Tetapi, 10 tahun kebelakangan, separuh tanah ini tidak ada digunakan untuk apa yang dicadang sebagai sebab pengambilalihan tanah ini iaitu 'public purpose'. Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, dia pun saya difahamkan seorang lawyer, I have never heard of it. That's beside the point. Adakah dia mengetahui bahawa jika tanah itu diambil alih oleh kerajaan untuk public purpose, bolehkan 10 tahun selepas itu dalam tahun 1995 tanah ini ada diberi kepada satu syarikat dalam mana adik atau kakak, barangkali adik kepada Ketua Menteri ini yang jadi Managing Director dalam Kabuli Sdn. Bhd. Kabuli Sdn. Bhd. ada saham, authorised capital RM5,000,000 divided into 5,000,000 ordinary shares of RM1.00 share each, dengan izin.

Directors, Aishah, Zainab Mahmud. Siapa dia? Kedua, Lord John Fairben. Siapa orang putih ini? The rule of the 'Brooke' again in Sarawak. I will come to that. Shareholders di antara lain, Aishah, Zainab Mahmud shares held 1 million. Yang lain tidak berapa penting. Barangkali sedikit penting di sini, charged to the bank, Bank Utama Malaysia Sdn. Bhd for RM20 million. Charged to Arab Malaysian Merchant Bank Bhd. for RM10 million. Totally in all RM30 million. Siapa dia ini, ha? Siapa dia ini, Lady Aishah Mahmud, Fairben?

Dalam satu ucapan yang ada dilaporkan di dalam *The Borneo Post* pada 9hb Disember 1994. Dalam ucapannya di *The Borneo Post* beliau menyatakan:

"Kabuli's Chairman, Lady Aishah Mahmud and Fairben attributed the popularity of the apartment (dan apartment itu adalah Tanjung Batu Condominium. Ada satu brochure di sini, jika Yang Berhormat dari Batang Lupar mahu meneliti, boleh. (sambil menunjukkan sebuah brochure di tangan beliau) An

always seize of luxury where business and leisure meets. Tanjung Batu Condominium Bintulu Beach Resort."

So, Chairman kepada Kabuli Sdn. Bhd. yang menjalankan projek multimillion ini di atas tanah Goh Meng Keat. Sehingga hari ini, Goh Meng Keat tidak menerima apa yang diletakkan di dalam mahkamah sebagai deposit. Tidak. Kerana.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, boleh.

Timbalan Yang d-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Batang Lupar minta jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, saya belum habis lagi. Kerana beliau sehingga hari ini menganggap tanah itu sebagai tanahnya kerana public purpose for which it was acquired was never realised. Dan undang-undang terus terang, barangkali lawyer itu tidak faham apabila tanah diambil alih oleh kerajaan.

Ada satu kes Majlis Privy di mana saya menjadi peguam pada tahun 1986, sila baca *The MLJ*, Kum Cheng Pek vs. Collector of Inland Revenue, Balik Pulau di mana Majlis Privy itu memutuskan di antara lain bahawa apabila tanah seseorang yang diambil alih oleh kerajaan untuk public purpose, apa yang harus dibuat adalah di dalam reasonable time menjalankan sebab atas mana tanah itu diacquired.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Tuan R. Karpal Singh: Belum habis lagi. Saya hendak menghabiskan ayat saya. Di sini, 10 tahun selepas tanah itu diacquiredkan, tidak ada sehingga sekarang oleh Lady Aishah Mahmud and Fairben. Boleh tanya sekarang.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Terima kasihlah Yang Berhormat. Tetapi saya hendak ubah sedikit fakta sebelum saya bertanya. Sebenarnya, tanah itu diberi notis untuk acquisition by the Government pada tahun 1973 dan assumption ataupun pengambilan khusus penukaran tanah itu menjadi tanah kerajaan pada Oktober 1975. Pemberian tanah itu kepada Kabuli Sdn. Bhd. ialah pada Julai 1994. Jadi, ada sedikit kesalahan fakta yang diberi oleh Yang Berhormat.

Jadi, tadi kalau Yang Berhormat berada dalam Dewan, selain daripada mengayang di luar sahaja, mungkin Yang Berhormat dengar cakap saya. Semua Yang Berhormat sebut tadi sudah saya sebut. Kita tidak deny benda ini betul diberi, tetapi landasannya, saya beri.

Satu lagi, Yang Berhormat, saya hendak tukarkan fakta. Saya ada printed gazette ini. Ini *Gazet* 1975, saya baca;

"Notice under section 47 declaring the land situated at Tanjung Kidurong to Sungai Pelan, Bintulu-Sibiu to Sungai Lanah and thereabout is likely to be needed for development of Bintulu Town. (Tidak ada public purposes disebut)

Sarawak Government Gazette 2867, dated 18th October 1973 declaring that the land which is situated at an around Tanjung Batu Similajau Forest Reserved (di perantaraan itu) boundary to Bintulu-Sibiu road area is needed for Bintulu town development." Dia tidak ada kata public purposes.

Jadi tadi, notis yang diberi, kita memang ada rules and regulations, Yang Berhormat. Kalau kita tidak buat macam itu, macam mana kita hendak function? Jadi, Yang Berhormat ini, tak pernah bekerja di dalam kerajaan, jadi tidak fahamlah soal time frame kerajaan hendak bertindak ini. Jadi, kalau Yang Berhormat jadi kerajaan, hendak buat sesuka hati sendiri, tunggu

30 tahun, orang tidak appeal, sudah beri notis dan duit dimasukkan di dalam Mahkamah Tinggi mengikut undang-undang yang ada di Sarawak, melainkan Yang Berhormat mengatakan undang-undang yang dibuat pada tahun 1958. Land Code ini dibuat pada tahun 1958, Yang Berhormat. October 1958 Land Code itu dibuat. Itu bukan Malaysia yang buat, semasa British, di'amend' sedikit-sedikit.

Jadi, semua garis panduan itu diikuti. Jadi, yang tidak buat itu, yang tidak hendak terima tidak buat tindakan apa yang pegawai Land and Survey di Sarawak suruh. Suruh dia, kalau you tidak terima ini, you bawa pergi ke mahkamah, appeal kepada mahkamah, kuatkan kuasa Penguasa Tanah. Kalau you terima pengambilan, bersetuju dengan pembangunan pekan ini, tetapi tidak setuju dengan nilainya, katanya, "okay, you pergi High Court appeal berlandaskan nilainya". Dia tak buat, dia biarkan duit itu di Mahkamah Tinggi Sarawak.

Jadi, siapa lagi hendak disalahkan ini? Semuanya sudah diberitahu mengenai jalan dan cara-cara mengambil tindakan kepada kerajaan. Jadi, Yang Berhormat, apa lagi yang dia hendak?

Tuan R. Karpal Singh: Saya hairan, Yang Berhormat Batang Lupal tidak memahami rasional bagi mengambil alih tanah oleh kerajaan dan juga structure Land Code 1958.

Adakah Yang Berhormat mengetahui bahawa tidak ada appeal apa yang ada di dalam Land Reference yang harus dibuat di dalam masa enam minggu dan jika seseorang, an agreed party tidak berbuat demikian, habislah kerana masa sudah suntuk.

Kerajaan selepas itu mengambil alih, take possession atau memiliki tanah itu dan selepas itu menjalankan apa yang menjadi public purpose, development of

Bintulu town bagi public purpose, bukan private purpose! Adakah tahu dalam tahun 1975 apabila tanah ini diambil alih oleh kerajaan, tidak ada apa yang ada di dalam The Land Acquisition Act yang dipinda dalam Dewan yang mulia ini di mana sekarang kerajaan boleh memberi tanah yang diambil alih oleh kerajaan untuk public purpose kepada pihak yang ketiga. Adakah tahu itu semua? Tetapi itu bukan, that is not the issue.

Isu adalah ini, siapa dia Lady Aishah Mahmud Fairben?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *(Bangun) (Menyampuk)*

Tuan R. Karpal Singh: No! No! Cukup-cukup!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia hendak minta jalan Yang Berhormat. Hendak beri atau tidak beri?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, peraturan mesyuarat. Dia tidak beri. Minta duduk Yang Berhormat Batang Lupar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Janganlah tanya soalan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta duduklah! Dia tidak beri jalan.

Tuan Noh bin Omar: Lawyer takutkah? Berilah chance, barulah ada fair trial.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ini semua boleh? Ini ikut peraturan? Keriau, berdiri apabila diarahkan duduk. Semua okay?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat!

Tuan R. Karpal Singh: Apa teruskan? Tidak ambil tindakan ke atas dia?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya....

Tuan R. Karpal Singh: Itulah keadilan dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, jangan menuduh yang bukan-bukan. Yang Berhormat menuduh saya tidak adil. Itu tidak adil Yang Berhormat, kerana saya telah mengarahkan mereka duduk.

Tuan R. Karpal Singh: Dia tidak duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak apa? Saya pancung kepala dia?

Tuan R. Karpal Singh: Lagi seorang....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat teruskan ucapan. Jangan menuduh kepada Kerusi.

Tuan R. Karpal Singh: That is another point. Never mind. We forgive you.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat kena minta maaf kepada Pengerusi.

Tuan R. Karpal Singh: Apa minta maaf Yang Arif? Ini bukan soalan minta maaf. You are another lawyer.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat menuduh saya melindungi mereka dan tidak menjalankan tugas.

Tuan R. Karpal Singh: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Itu satu tuduhan yang tidak boleh diterima.

Tuan R. Karpal Singh: Orang yang keriau tadi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya minta Yang Berhormat teruskan ucapan.

Tuan R. Karpal Singh: Itu pun boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat teruskan ucapan. Jangan berulang lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Saya boleh teruskan tetapi jalankan sedikit keadilan jikalau bukan banyak.

Apa yang sebenarnya adalah ini. Seorang Orang Putih ini - Lord Fairben. Dia bukan Lord Fairben. Dia membeli title "Lord" itu. Orang ini adalah seorang responden dalam satu kes di mana isterinya membuat satu maintenance proceeding terhadap dia di sini, ada dua anak. Dia masuk Islam. Di sini saya merayu kepada Islam. Islam adalah satu agama yang baik tetapi jaga apabila orang menukar agamanya, adakah ia ikhlas? Jika seorang Orang Putih seperti ini datang ke sini to make money, to make use of our citizens, jangan biar! Don't be taken for a ride! Dan Lord Fairben ini membuat itu. Itulah aduan saya! Sebagai adik kepada Ketua Menteri, beliau dapat semua ini.

Kemudahan daripada bank-bank. Bukan RM1 ribu atau RM2 ribu. RM30 milion. Terus dia dapat kerana adik kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Kenapa boleh tidak ada di sini hari ini untuk membela diri? Kenapa seorang kuncu seperti Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa datang ke sini untuk mempertahankan orang ini? Mahu menaikkan bilangan kerusi?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun ya.

Tuan R. Karpal Singh: No! No! Apa itu? Point of order atau apa? Saya tidak ada masa untuk buang sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Ini seorang yang long-winded, doesn't go to the point.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada masa untuk itu. Saya mahu dapat tahu daripada kementerian dan saya harap apabila Menteri ada jawab and Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri take note, dan ada ramai Menteri di sini tidak jawab apa yang diperbangkitkan dalam perbahasan. Bagaimana terjadi apabila pindaan kepada Perlembagaan dibentangkan di sini? Menteri di Jabatan Perdana Menteri, apabila ditanya tidak mahu memberi jalan. Dengan ringkas, bukan jawapan, tidak tahu apa itu. Dia duduk. Tidak boleh berlaku seperti keadaan itu dan inilah satu contoh yang diberi kepada semua yang lain khasnya dalam Barisan Nasional oleh Ahli Yang

Berhormat dari Kubang Pasu. Saya tidak menyebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sikapnya kelmarin dulu di sini, kelakuannya does not be fit him to be a Prime Minister dan saya memberi sebab-sebab...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Yan bangun Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Atas apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak minta jalan.

Tuan R. Karpal Singh: No. No. Saya mahu habiskan apa yang saya katakan tadi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri Yang Berhormat. Dia tidak beri ya.

Tuan R. Karpal Singh: Saya ada dalam Dewan yang mulia ini semenjak tahun 1978. Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu tidak ada standard kerana, saya bacakan apa yang ada di dalam *Penyata Rasmi Parlimen* (Hansard) bertarikh 6hb Mei 1996, muka surat 125:-

"Kalau Polis kata dia ada (Eric Chia), dia adalah, kalau Polis kata dia tidak ada, dia tidak adalah. Tetapi kalau Polis kata dia ada, sedangkan Ahli Yang Berhormat membuat insinuation (iaitu saya, R. Karpal Singh yang membuat laporan Polis mengenai missing person ini), membuat sedikit-sedikit cucuk,

hendak berkata orang ini sudah lari dan sedikit-sebanyak barangkali ada juga hendak imply kata barangkali Perdana Menteri menolong orang ini lari." Setakat itu okay. Tidak ada apa-apa aduan.

Apa yang saya tidak boleh terima dan siapa yang ada rasional dalam Dewan yang mulia ini, bukan sebagai Ahli Dewan Rakyat tetapi orang yang duduk di sini atau sana. Ini tidak boleh diterima sebagai apa yang boleh disuarakan oleh seorang Perdana Menteri. He does not fit to be a Prime Minister. Inilah apa yang dia katakan - muka surat 126:-

"Saya tak tahulah, saya bukan jaga belakang Eric Chia". (*Ahli-ahli Ketawa*) Jangan ketawa, ini serius. Saya tidak gunalah perkataan lain tetapi perkataan "belakang" cukuplah, dia fahamlah. (*Iaitu Ahli Yang Berhormat dari Jelutong*). "Bukan kerja saya yang itu". Apa standard ini? Dan bolehkah, this is a man not fit to be in the Malay race kerana ini bukan fikiran suci. Ini bukan satu contoh yang harus diikuti oleh sesiapa dalam Dewan yang mulia ini....

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tanjong karang bangun hendak minta jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Kerana apa yang disuarakan olehnya tidak boleh diterima.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia minta jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya! Point of order atau apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia hendak minta jalan.

Tuan R. Karpal Singh: No. No. Tidak payahlah. Ini penjelasan. Saya memberi penjelasan sekarang, apa penjelasan lagi. Duduk!

Tuan Noh bin Omar: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta duduk. Dia tidak mahu beri.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau meminta penjelasan, mesti tahu apa yang diminta. Ini penjelasan. Apa lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, teruskan.

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*) (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi hendak minta penjelasan. Minta duduk ya. Dia tidak beri.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya katakan tadi adakah Tuan Speaker sendiri menerima apa yang dikatakan olehnya? Ada?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat tidak payah tanya saya. Teruskan ucapan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua pun seorang Ahli dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Unprecedented tanya Tuan Yang di-Pertua punya opinion. Tidak boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Unprecedented? What the Prime Minister

said, unprecedented di mana-mana Parlimen. Parlimen ini juga, Parlimen Malaysia. Dulu D.P. Vijandran di sana, di mana Yang Arif duduk sekarang. Saya ada mengatakan dulu, membakar kerusi itu tetapi tidak mahu menjalankan arahan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, teruskanlah Yang Berhormat. Tidak payah berbahas dengan saya.

Tuan Noh bin Omar: Point of order!

Tuan R. Karpal Singh: Sekarang....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, point of order. Yang Berhormat, yang ke berapa?

Tuan Noh bin Omar: 36(6). "Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain."

Daripada penerangan yang saya faham tadi, seolah-olah Yang Berhormat dari Jelutong menuduh Yang Berhormat dari Kubang Pasu membuat satu tanggapan buruk kepada bangsa lain bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan perkataan "belakang", Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini dirty-minded. Seolah-olah orang macam Yang Berhormat dari Jelutong ini "suka daripada belakang". Jadi, tidak bolehlah dia kata macam itu. Boleh jadi yang ditafsirkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu benda betul. Di "belakang" ini maksudnya tidak rapat atau menyokong Eric Chia. Bukan "masuk belakang" sepertimana yang difikirkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang membawa maksudnya "hentam dari belakang". Jadi, kena tarik balik tuduhan ini. Jangan salah tafsir. Jangan buat tafsiran sendiri mengenai apa yang dicakapkan oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri. Itu sebab saya hendak minta penjelasan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukup! cukup! Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita sepatutnya.....

Tuan Noh bin Omar: Jadi, bolehkah kita guna 36(6) ini, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan R. Karpal Singh: Jangan salahgunakan, tadi saya sudah....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya susah hendak membuat satu keputusan, minta dia tarik balik kerana perkara ini masing-masing ada tafsiran - masing-masing ada tafsiran, saya tidak tahu sebetulnya apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, tetapi saya tidak berani menafsirkan apa selanjutnya yang perlu ditafsirkan, kecuali kalau sekiranya perkara itu direct, yang kita boleh mengerti, tanpa apa-apa tafsiran saya boleh membuat keputusan, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: 36(6) ini, saya hendak tanya. Kalau itu adalah perkataan atau tafsiran yang betul, mengapa.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker sudah membuat ruling.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, saya putuskan begitu kalau sekiranya.....

Tuan R. Karpal Singh: Putuskan, bolehkah dia duduk?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kalau sekiranya Yang Berhormat tidak puas hati.....

Tuan Noh bin Omar: Ya, saya akur, Yang Arif Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah dia duduk

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, dia sudah duduk.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau tidak mahu duduk, halau dia keluar.

Seorang Ahli: Pergilah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, satu perkara yang lain, Tuan Speaker iaitu mengenai Peguam Negara.

Baru-baru ini saya baca dalam *The Asiaweek*, muka surat 32, Judiciary underfired - gambar besar (*sambil menunjukkan gambar*), terdapat Peguam Negara kita dalam muka surat ini.

"Accused of undermining confidence in the Rule of Law - Mohtar says some people are trying to ridicule and abuse the judiciary".

Tuan Speaker, jika Perlembagaan bagi negeri-negeri dalam negara kita ada diteliti, dalam semua Perlembagaan ini ada peruntukan bahawa seorang penasihat undang-undang iaitu equivalent of the

Attorney-General dalam negeri menjadi sebagai *ex-officio* Ahli kepada Dewan Undangan Negeri, negeri itu - semua ada. Di Pulau Pinang apabila saya ada di sana, Penasihat Undang-undang Pulau Pinang dan tempat ada keutamaan diberi kepadanya dalam Exco, *ex-officio*; dia menghadiri semua mesyuarat. Kenapa tidak ada peruntukan seperti itu dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya sekarang apabila seorang Peguam Negara ada dilantik, bukan dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat dan a member of the Cabinet?. Itulah keadaannya apabila Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Yusof menjadi Peguam Negara.

Saya merayu kepada kerajaan supaya membawa satu pindaan kepada Perlembagaan bagi membolehkan Peguam Negara, untuk duduk di sini dan menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, bukan dari pembangkang sahaja, tetapi dari the Backbenchers Club, khususnya Yang Berhormat dari Parit Sulong. Kerana apa yang dibuat oleh Peguam Negara, dan malangnya ada banyak contoh-contoh di mana perbuatan Peguam Negara tidak sesuai, di mana tindakan harus diambil dan diambil dengan serta-merta tindakan itu tidak diambil. Contohnya kes Lee Quat Leong - 11 orang pegawai polis termasuk pegawai-pegawai atasan dalam satu enquiry, 'inquest' November tahun lalu, seorang majistret yang menjalankan enquiry itu memutuskan bahawa ada 11 orang yang dinamakan dan senarai ada diberi dalam keputusan itu bahawa 11 orang ini ada terlibat dalam kematian Lee Quat Leong, beliau telah dipukul dengan teruk oleh polis khususnya 11 orang ini terlibat. Peguam Negara memilih dua orang pegawai bawahan, bukan atasan, kedua orang ini ada dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dan apa yang ada adalah satu 'plea-bargaining'. Plea-bargaining di mana kedua-dua ini mengaku salah. Kenapa tidak mengikuti keputusan enquiry

itu di mana 11 orang bukan 2 yang dikatakan ada terlibat dan kenapa apabila Pendakwa Raya bangun untuk membuat satu balasan kepada 'plea-investigation', Timbalan Pendakwa Raya ini tidak dengan jujur, dengan kuat merayu kepada mahkamah bahawa, sedangkan ada beberapa authority bagi kes seperti ini, di manajika polis dalam tahanan memukul seseorang, satu deterrent sentence harus dijatuhkan? Terbalik pula. Apabila kedua-dua ini ada dihukum penjara selama 18 bulan, Timbalan Pendakwa Raya ini pergi ke kandang yang dituduh to console him di hadapan semua orang, "the executional is embarrassing the condemned."

Apabila kami pembangkang di sini menanya kenapa 9 orang yang lain tidak dituduh? Pendakwa Raya menyatakan beliau menggunakan budibicara yang ada diletakkan di tangannya bahawa Perkara 145(3), beliau memutuskan tidak ada keterangan yang mencukupi untuk mendakwa 9 orang ini. Tetapi apa yang dibuat dalam satu rekomendasi kepada IGP untuk mengambil tindakan disiplin, tetapi sehingga hari ini, walaupun perkara ini ada dibangkitkan di sini, apakah tindakan yang telah diambil terhadap 9 orang ini? Bukankah perkara ini harus diberi keutamaan 'in the national interest' - 'public interest' tetapi tidak ada.

Begitu juga bagi kes Rahim Tamby Chik, 'celaka' ini dia mahu bertanding lagi sebagai calon Ketua Pemuda.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, atas peri kemanusiaan....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak minta jalankah?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: On a point of order.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan ahli dari Yan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalankah?

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, kita kena menghormati manusia.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh menghormati manusia, tetapi dia bukan 'manusia'

Seorang Ahli: Dia bukan binatang!

Tuan R. Karpal Singh: Dia bukan manusia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, nampaknya.....

Tuan R. Karpal Singh: Siapa cakap Rahim Tamby Chik manusia?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jam sudah 6.30 petang, nampaknya masa sudah habis untuk hari ini, minta sambung esok.

Tuan R. Karpal Singh: Baik, Tuan Speaker. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.